



## **BAHAGIAN I**

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN**

1 | Pengesahan Penyata Kewangan Agensi  
Persekutuan Bagi Tahun Berakhir  
31 Disember 2020



## **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN**

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], menghendaki setiap Agensi Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan.
- Pengauditan dilaksanakan terhadap 147 Agensi Persekutuan yang terdiri daripada Badan Berkanun Persekutuan; Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah; serta Agensi Persekutuan lain.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Agensi Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

#### **Apa yang ditemui Audit?**

- Penemuan Audit setakat 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:
  - Sebanyak 140 Sijil Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah dikeluarkan terdiri daripada:
    - 109 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran;
    - 14 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara; dan
    - 17 penyata kewangan diberi Pendapat Berteguran.

- Sebanyak tujuh penyata kewangan tahun 2020 masih dalam proses pengauditan.
- Sebanyak 12 penyata kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2020 yang diaudit telah dibentangkan di Parlimen.
- Analisis Audit bagi item penyata kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2020, antaranya seperti berikut:

- Lebihan atau Kurangan Terkumpul**

- Sebanyak 116 Agensi Persekutuan merekodkan lebihan terkumpul pada tahun 2020 berjumlah RM207.349 bilion berbanding tahun 2019 berjumlah RM181.281 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM26.068 bilion.
    - Sebanyak tujuh Agensi Persekutuan merekodkan kurangan terkumpul berjumlah RM1.262 bilion pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 berjumlah RM1.114 bilion, iaitu peningkatan RM147.79 juta.

- Kebergantungan Agensi Persekutuan kepada Pinjaman**

- Kedudukan aset tahun 2020 bagi 123 Agensi Persekutuan berjumlah RM1,762.533 bilion telah mencatat peningkatan sejumlah RM118.143 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2019 berjumlah RM1,644.390 bilion.
    - Kedudukan liabiliti tahun 2020 bagi 123 Agensi Persekutuan berjumlah RM379.460 bilion telah menunjukkan peningkatan RM27.500 bilion atau 7.8% berbanding tahun 2019 berjumlah RM351.960 bilion.
    - Lima Agensi Persekutuan telah merekodkan baki pinjaman tertinggi pada tahun 2020 berjumlah RM107.928 bilion. Agensi tersebut adalah Lembaga

Pembangunan Sektor Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Perbadanan PR1MA Malaysia dan Lembaga Pelabuhan Kelang.

▪ **Terimaan Tidak Dikenal Pasti**

- Sebanyak 15 Agensi Persekutuan telah merekodkan terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM32.51 juta yang dinyatakan sebagai liabiliti di Penyata Kedudukan Kewangan tahun 2020.
- Lima Agensi Persekutuan telah merekodkan baki terimaan tidak dikenal pasti pada tahun 2020 yang tertinggi, iaitu Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam, Universiti Teknologi MARA, Universiti Utara Malaysia, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

▪ **Prestasi Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari**

- Pada tahun 2020, sebanyak 53 Agensi Persekutuan mempunyai pelaburan dalam 189 syarikat subsidiari berjumlah RM41.370 bilion berbanding 192 syarikat subsidiari berjumlah RM37.952 bilion pada tahun 2019.
- Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 169 syarikat subsidiari Agensi Persekutuan berstatus aktif, 19 dorman dan satu telah dibubarkan.
- Sebanyak empat Agensi Persekutuan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mempunyai pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari melebihi RM1 bilion pada tahun 2020.

▪ **Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka**

- Sebanyak 47 Agensi Persekutuan membuat pendedahan berkaitan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka dalam penyata kewangan tahun 2020.
- Sebanyak 15 daripada 47 Agensi Persekutuan mempunyai aset luar jangka dan liabiliti luar jangka yang signifikan, iaitu melebihi RM10 juta.

▪ **Kesan Pandemik Covid-19**

- Sebanyak 87 Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan mengenai kesan pandemik Covid-19.
- Sebanyak 28 daripada 87 Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan kesan pandemik Covid-19 terhadap hasil dan perbelanjaan pada 2020.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - Agensi Persekutuan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Akta 240;
  - pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan dipatuhi supaya agensi diuruskan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan; dan
  - pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan.

---

# PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN

---

## 1. PENGENALAN

1.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap 146 penyata kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan berakhir 2020 manakala satu penyata kewangan, iaitu Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang berakhir pada 30 Jun 2021. Daripada jumlah tersebut, 135 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua penyata kewangan Agensi Persekutuan lain. Agensi Persekutuan lain merupakan agensi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*] dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

1.2. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengisytiharkan wabak Covid-19 sebagai pandemik. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 sebagai langkah pembendungan yang memberi kesan ketara kepada perniagaan dan ekonomi. Pada 11 Januari 2021, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengisytiharan Proklamasi Darurat setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong berikutan penularan wabak Covid-19 dan tamat pada 1 Ogos 2021. Selain itu, Kerajaan juga telah mengisytiharkan pelaksanaan PKP 3.0 berkuat kuasa mulai 12 Mei 2021 dan disambung secara berfasa. Sehingga kini, Kerajaan sedang beralih ke fasa Pelan Pemulihan Negara sebagai pelan hala tuju untuk mengawal pandemik Covid-19 serta membolehkan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara progresif.

1.3. Pandemik Covid-19 turut memberi kesan signifikan terhadap operasi Agensi Persekutuan. Pembatasan aktiviti dan pergerakan bagi mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa antara punca yang menyumbang kepada kelewatan penyerahan penyata kewangan tahun 2020. Kelewatan penyerahan penyata kewangan akibat pandemik ini turut memberi kesan terhadap proses pengauditan selaras dengan pendekatan norma baharu.

1.4. Setakat 31 Disember 2021, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara terhadap 140 daripada 147 penyata kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2020 seperti dalam **Lampiran 1** manakala baki sebanyak tujuh penyata kewangan masih dalam proses pengauditan.

1.5. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 26 daripada 147 penyata kewangan tahun 2020 dan baki 121 penyata kewangan diberikan kuasa

kepada firma audit swasta untuk diaudit. Pengauditan oleh firma audit swasta dipantau dan disemak semula oleh Jabatan Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berwibawa untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.6. Pengauditan penyata kewangan tahun 2020 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak yang bertanggungjawab dengan tadbir urus, persampelan dan pelaporan. Ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras dengan piawaian perakaunan dan pengauditan untuk menghasilkan laporan yang berkualiti.

## **2. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020**

2.1. Berdasarkan subseksyen 5(1) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*], setiap badan berkanun hendaklah mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Subseksyen 9(1) menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, badan berkanun tersebut hendaklah memohon pelanjutan secara bertulis kepada Menteri. Subseksyen 9(2) pula menjelaskan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, boleh memberi pelanjutan had masa untuk mengemukakan penyata kewangan tidak melebihi tiga bulan bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

2.2. Kementerian Kewangan (MoF) juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 pada tahun 2014 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2 yang berkuat kuasa pada 16 Ogos 2021 dan membatalkan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1. Pekeliling ini menetapkan penyata kewangan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan selaras dengan Akta 240.

2.3. Surat Ketua Audit Negara bertarikh 11 Julai 2018 menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan mestilah lengkap dan boleh diaudit (auditabile).

Penyata kewangan hendaklah mengandungi Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah yang bertandatangan; Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan yang bertandatangan; dan dokumen serta jadual sokongan yang lengkap. Ketua Audit Negara melalui surat bertarikh 8 Mac 2021 menegaskan keutamaan pengauditan hanya diberikan kepada penyata kewangan yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.4. Setakat 31 Disember 2021, kesemua 147 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara. Sebanyak 109 Agensi Persekutuan mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 April 2021 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 manakala 26 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 Jun 2021. Selain itu, Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang berakhir pada 30 Jun 2021 telah dikemukakan pada 16 Ogos 2021 dan baki 11 Agensi Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2021.

2.5. Sebanyak 11 Agensi Persekutuan yang mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2021 adalah seperti berikut:

- Lima daripada 11 Agensi Persekutuan telah membuat permohonan pelanjutan masa sebelum 30 Jun 2021 untuk mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan, iaitu selaras dengan Akta 240. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1**  
**PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN SEBELUM 30 JUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH SURAT PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN
1.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Permohonan pertama: 15.04.2021 Permohonan kedua: 29.06.2021	14.07.2021
2.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	Permohonan pertama: 14.04.2021 Permohonan kedua: 25.06.2021	30.07.2021
3.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Permohonan pertama: 14.04.2021 Permohonan kedua: 08.06.2021	30.08.2021
4.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	Permohonan pertama: 14.04.2021 Permohonan kedua: 25.06.2021	30.08.2021
5.	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	Permohonan pertama: 26.04.2021 Permohonan kedua: 14.06.2021	28.09.2021

Sumber: Surat Permohonan Pelanjutan oleh Agensi Persekutuan

- Tiga daripada 11 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2021. Bagaimanapun, permohonan pelanjutan telah dibuat selepas enam bulan**

**berakhirnya tahun kewangan.** Perkara ini tidak selaras dan tidak mematuhi kehendak subseksyen 9(1) Akta 240. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.2.**

**JADUAL 2.2  
PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH  
AGENSI PERSEKUTUAN SELEPAS 30 JUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH SURAT PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN
1.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	27.07.2021	27.08.2021
2.	Majlis Perubatan Malaysia (MMC)	13.07.2021	27.09.2021
3.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPDP)	22.07.2021	30.09.2021

Sumber: Surat Permohonan Pelanjutan oleh Agensi Persekutuan

- c. Satu Agensi Persekutuan, iaitu Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah diluluskan pelanjutan mengemukakan penyata kewangan setakat 30 Jun 2021. Bagaimanapun, **IRDA hanya mengemukakan penyata kewangan pada 11 Ogos 2021 dan tiada permohonan pelanjutan mengenainya dibuat.**
- d. **Dua Agensi Persekutuan, iaitu Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 September 2021.** Perkara ini tidak mematuhi kehendak seksyen 9 Akta 240. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.3.**

**JADUAL 2.3  
AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENGEMUKAKAN  
PENYATA KEWANGAN SELEPAS 30 SEPTEMBER 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH SURAT PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN	TEMPOH KELULUSAN MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN OLEH MoF	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN
1.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	Permohonan pertama: 27.04.2021 Permohonan kedua: <b>02.08.2021</b>	Sehingga 30.09.2021	12.10.2021
2.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)	Permohonan pertama: 23.04.2021 Permohonan kedua: 25.06.2021 Permohonan ketiga: <b>04.10.2021</b>		14.12.2021

Sumber: Surat Permohonan Pelanjutan oleh Agensi Persekutuan dan Surat Kelulusan MoF

### **3. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**

3.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Agensi Persekutuan. Piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia adalah Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). MFRS adalah terpakai kepada Agensi Persekutuan yang tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

3.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab antaranya menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. JANM telah menerbitkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti dinyatakan dalam Ministerial Functions Act 1969 [*Akta 2*] untuk diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Agensi Persekutuan.

3.3. Sebanyak 110 Agensi Persekutuan telah menerima pakai MPSAS dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun 2020 termasuk 41 Agensi Persekutuan yang menerima pakai MPSAS buat kali pertama. Selain itu, sebanyak 19 Agensi Persekutuan menerima pakai MPERS manakala 18 Agensi Persekutuan menerima pakai MFRS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Lampiran 2**.

### **4. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

4.1. Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

4.2. Setakat 31 Disember 2021, **140 penyata kewangan tahun 2020 telah selesai pensijilan. Sebanyak 109 penyata kewangan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, 14 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan 17 diberi Pendapat Berteguran. Baki tujuh penyata kewangan tahun 2020 masih dalam proses pengauditan.** Bilangan penyata kewangan yang diaudit berkurang daripada 148 pada tahun 2019 kepada 147 pada tahun 2020 disebabkan oleh penggabungan Lembaga Pelabuhan Johor Tanjung Pelepas dengan Lembaga Pelabuhan Johor. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Lampiran 1**. Bagi tahun kewangan 2019,

sebanyak 79 daripada 148 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2019 turut dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020.

4.3. Bilangan Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit bagi tahun 2020 dan 2019 yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.

BIL.	JENIS PENDAPAT	TAHUN KEWANGAN	
		2020	2019
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN</b>			
1.	1.1. Tanpa Teguran	109	46
	1.2. Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara	14	17
<b>PENDAPAT DIUBAHSUAI</b>			
2.	2.1. Berteguran	17	15
	2.2. Bertentangan	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>140*</b>	<b>79</b>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020 dan 2019

Nota: \*Setakat 31 Disember 2021, sebanyak tujuh penyata kewangan tahun 2020 masih dalam proses pengauditan

#### **4.3.1. Pendapat Tanpa Teguran**

Pendapat Tanpa Teguran merupakan pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan piawaian perakaunan. Sebanyak **109 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2020 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran**, iaitu termasuk 19 Sijil Ketua Audit Negara dengan perenggan Hal-hal Lain dan satu dengan perenggan Perkara Utama Audit. Selain itu, **14 penyata kewangan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara**.

#### **4.3.2. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit**

##### **a. Perenggan Penegasan Perkara**

- i. ISSAI 1706, perenggan Penegasan Perkara menyatakan atau mendedahkan perkara yang pada pertimbangan profesional juruaudit adalah amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

- ii. Perenggan Penegasan Perkara dalam Sijil Ketua Audit Negara yang telah dikeluarkan kepada Agensi Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 4.2**.

**JADUAL 4.2**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN**  
**KEWANGAN 2020 DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
1.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP)	Pengesahan pihak ketiga bagi baki penghutang dan pemutang masing-masing berjumlah RM14.84 juta dan RM153,676 masih belum diterima oleh pihak Audit.
2.	Lembaga Ahli Geologi (BoG)	Wujud perbezaan sejumlah RM28,485 (2019: RM78,933) antara lejar yuran tertunggak berjumlah RM331,385 (2019: RM192,667) dengan pangkalan data Board of Geologies Malaysia Information System berjumlah RM302,900 (2019: RM271,600).
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	<p>Prestasi Kewangan dan Pengurusan Aliran Tunai</p> <p>a. FELDA mengalami kerugian bersih sebelum cukai berjumlah RM713.74 juta (2019: RM336.80 juta) seperti dinyatakan di Penyata Prestasi Kewangan.</p> <p>b. Aliran tunai aktiviti operasi FELDA dan kumpulan juga mengalami defisit masing-masing berjumlah RM924.06 juta (2019: RM1.928 bilion) dan RM961.99 juta (2019: RM1.803 bilion). Pada 31 Disember 2020, kedudukan aset semasa FELDA berjumlah RM3.828 bilion dan liabiliti semasa berjumlah RM7.124 bilion menyebabkan FELDA mengalami liabiliti semasa bersih berjumlah RM3.296 bilion. Perkara ini menunjukkan aset semasa FELDA tidak dapat menampung keperluan liabiliti semasa dalam tempoh jangka pendek.</p> <p>c. Baki pinjaman daripada institusi luar FELDA dan kumpulan masing-masing berjumlah RM7.496 bilion (2019: RM6.789 bilion) dan RM14.728 bilion (2019: RM10.681 bilion). Jumlah ini termasuk pinjaman RM893.54 juta (2019: RM683.96 juta) daripada Kerajaan Persekutuan. Jumlah pinjaman daripada institusi luar dan Kerajaan menunjukkan FELDA mempunyai komitmen yang tinggi untuk melunaskan pembiayaan yang diterima sehingga tempoh matang.</p> <p>d. Setakat 31 Disember 2020, baki geran Kerajaan berjumlah RM1.128 bilion (2019: RM630 juta) dan terimaan geran pada tahun semasa berjumlah RM1.003 bilion (2019: RM842.78 juta). Penyaluran geran kepada FELDA bertujuan untuk membiayai projek infrastruktur, program pembangunan peneroka, penghapusan faedah pinjaman kepada peneroka, Program Perumahan Generasi Baru FELDA dan Pakej Rangsangan Ekonomi.</p> <p>Kemampuan FELDA memenuhi obligasi kewangannya pada masa hadapan bergantung kepada keupayaan pihak pengurusan untuk menambah baik aliran tunai agar dapat menampung kos operasi dan liabiliti kepada peneroka serta mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan.</p>
4.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	Pada 31 Disember 2020, baki akaun urus niaga pertukaran belum terima berjumlah RM18.17 juta manakala baki akaun Dana Pembangunan Lebuhraya berjumlah RM889.88 juta. Baki urus niaga pertukaran belum terima tersebut telah mengambil kira pelarasan (offset) akaun akan terima berjumlah RM41.70 juta pada tahun 2020 dengan menggunakan Dana Pembangunan Lebuhraya. LLM telah mendahulukan perbelanjaan bagi Projek Membekal dan Memasang Crash Cushion di lebuhraya sejumlah RM24.96 juta dan Projek Pemasangan Lampu LED di Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak sejumlah RM16.74 juta. Pelarasan ini dibuat bertujuan untuk mengimbuh balik pendahuluan oleh LLM bagi perbelanjaan kedua-dua projek tersebut. Pelarasan akaun akan terima menggunakan Dana Pembangunan Lebuhraya masih belum

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PERSEKUTUAN</b>	<b>ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA</b>
		mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
5.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	<p>a. Baki pelbagai penghutang, deposit dan prabayar adalah termasuk cukai terlebih bayar berjumlah RM5.65 juta. Penyata Kedudukan Cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia menunjukkan tiada lebihan bayaran dibuat oleh LPK.</p> <p>b. Baki jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari adalah termasuk amaun terhutang berjumlah RM11.28 juta oleh Segamat Inland Port Sdn. Bhd. yang tidak menunjukkan pergerakan sejak tiga tahun terakhir.</p>
6.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	Faedah simpanan tetap telah terkurang nyata sebanyak RM246,150 disebabkan kesilapan pengiraan faedah menggunakan tempoh efektif, kadar faedah dan nilai pokok simpanan yang berbeza daripada rekod terkini oleh pihak bank yang berkaitan.
7.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MYSIHAT)	Yuran audit terakru berjumlah RM29,974 merangkumi yuran bagi pengauditan tahun kewangan 2019 dan 2020. Bagaimanapun, yuran audit bagi tempoh berakhir 15 April 2020 telah dipinda mengambil kira perubahan skop pengauditan daripada 12 bulan kepada empat bulan. Yuran audit terakru hanya berjumlah RM23,120.
8.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	Pelunasan Dana Skim Pembentukan Mikro PPP-SPM-UV-ATM pada tahun 2020 adalah berjumlah RM6.66 juta. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah pelunasan dana berjumlah RM6.04 juta yang diiktiraf sebagai pendapatan dan mengurangkan bayaran balik Dana Skim Pembentukan Mikro PPP-SPM-UV-ATM. Pelunasan dana berjumlah RM6.04 juta masih belum mendapat kelulusan daripada pihak Unit Kerjasama Awam Swasta dan Kementerian Pertahanan Malaysia.
9.	Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)	Pada 3 September 2014, Kerajaan telah bersetuju Kelab Golf Negara Subang diberi pajakan kecil ke atas tanah milik Persekutuan H.S.(D) 148046 PT 221 Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor seluas 330 ekar daripada PPGS selama 30 tahun bagi kegunaan sebagai padang golf. Kerajaan juga menetapkan perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan perlu ditandatangani antara kedua-dua pihak dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan penjawat awam serta fungsi PPGS sebagaimana tertakluk dalam Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 [Akta 509]. Bagaimanapun, perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan masih belum dimuktamadkan antara PPGS dan Kelab Golf Subang Negara walaupun itu ini telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara sejak pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.
10.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCOP)	<p>a. Akaun belum bayar pada 31 Disember 2020 adalah RM823.01 juta termasuk pemutang syarikat konsesi berjumlah RM803.94 juta. Baki pemutang tersebut adalah berbeza daripada surat pengesahan baki yang diterima. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan perbezaan baki sejumlah RM12.69 juta kerana dokumen yang dikemukakan oleh SWCOP tidak menyokong rekod penyesuaian pemutang syarikat konsesi yang disediakan.</p> <p>b. Akaun belum terima bagi urus niaga pertukaran pada 31 Disember 2020 berjumlah RM516.44 juta termasuk penghutang Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam berjumlah RM507.32 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki penghutang Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam berjumlah RM5.29 juta kerana pengesahan pihak ketiga tidak diterima walaupun semua usaha telah diambil oleh SWCOP untuk mendapatkannya.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
		<b>Hal-hal Lain</b>  SWCORP hendaklah memastikan rekod penyesuaian bagi akaun belum terima dan akaun belum bayar yang disediakan adalah teratur dan kemas kini supaya baki yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat. Semua penyesuaian yang disediakan hendaklah mendapat kelulusan yang sewajarnya, disokong dengan dokumen yang lengkap dan mempunyai penerangan yang jelas.
11.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	Baki urus niaga pertukaran belum terima adalah RM2.910 bilion pada 31 Disember 2020 berbanding RM2.829 bilion pada 31 Disember 2019. Sejumlah RM817.55 juta atau 26.6% adalah tunggakan baki bagi tahun 2001 hingga 2010 (2019: RM731.49 juta atau 25.9% adalah tunggakan bagi tahun 2001 hingga 2009). PTPK telah membuat kutipan berjumlah RM44.95 juta pada tahun semasa.
12.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Tindakan penyesuaian dan pelarasan yang belum selesai melibatkan wang dalam perjalanan berjumlah RM8.13 juta dari tahun 2015. Pihak Audit tidak dapat menentusahkan kesan pelarasan jika ada, terhadap jumlah yang tidak dapat disesuaikan tersebut pada kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai PTPTN bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.  <b>Hal-hal Lain</b>  PTPTN hendaklah mempertingkatkan pengurusan rekod pelbagai penghutang dan bayaran balik kepada peminjam terlebih bayar. Rekod kewangan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan tindakan pelarasan dan penyesuaian dapat dibuat dengan teratur di masa akan datang.
13.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Tambahan pelaburan dalam syarikat subsidiari UMS, iaitu UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. sejumlah RM10.60 juta diragui memberi pulangan yang baik. Syarikat dan kumpulan mengalami kerugian bersih sejumlah RM0.53 juta pada tahun 2020 berbanding RM175,642 pada tahun 2019.  UMS juga telah memperuntukkan rosot nilai pelaburan bagi kerugian UiNVEST dan kumpulan pada tahun kewangan 2020. Selain itu, sebanyak dua daripada tiga subsidiari UiNVEST telah diberi Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara kerana diragui keupayaan untuk terus beroperasi.
14.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Pengiktirafan tambahan aset infrastruktur dalam tahun kewangan 2020 berjumlah RM4.47 juta. Sejumlah RM3.69 juta daripadanya merupakan pengiktirafan aset infrastruktur jalan raya oleh UPSI. UPSI telah menggunakan pakai MPSAS sebagai piawaian perakaunan dalam tahun 2020. Pengiktirafan aset infrastruktur jalan raya oleh UPSI adalah tidak selaras dengan kehendak MPSAS 3, perenggan 27 iaitu perubahan dalam dasar perakaunan perlu diaplikasikan secara retrospektif.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

- iii. Trend pensijilan bagi tempoh tiga tahun untuk Agensi Persekutuan yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4.3**.

**JADUAL 4.3**  
**TREND PENSIJILAN BAGI TEMPOH TIGA TAHUN**  
**UNTUK AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA**  
**TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA PADA TAHUN 2020**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PERSEKUTUAN</b>	<b>PENDAPAT AUDIT</b>		
		<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>
1.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Tanpa Teguran
2.	Lembaga Ahli Geologi (BoG)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Tanpa Teguran
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran
4.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MYSIHAT)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
8.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
10.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCOPR)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran
11.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran
12.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran
13.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran
14.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2018 hingga 2020

### b. Perenggan Hal-hal Lain

- i. ISSAI 1706 menyatakan perenggan Hal-hal Lain merujuk kepada perkara selain daripada yang didebak atau dinyatakan dalam penyata kewangan. Pada pertimbangan juruaudit, perkara berkaitan adalah relevan kepada pemahaman pengguna mengenai pengauditan, tanggungjawab juruaudit atau laporan Audit.

- ii. Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk 19 Agensi Persekutuan dengan perenggan Hal-hal Lain adalah seperti dalam **Jadual 4.4**.

**JADUAL 4.4**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN**  
**KEWANGAN 2020 DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
1.	Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (SWA)	Persembahan Penyata Kewangan SWA yang disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan tidak menggunakan pakai sepenuhnya Prinsip Perakaunan Diterima Umum (GAAP). Oleh itu, pendedahan mengikut GAAP perlu dibuat sewajarnya dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan bagi membolehkan penanda aras dibuat dalam industri yang sama untuk tujuan pelaporan kepada pihak berkuasa.
2.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	DBKL hendaklah mematuhi polisi pengiktirafan dan pengelasan bagi kerja dalam proses kepada hartaanah, loji dan peralatan.
3.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)	Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan perekodan pendahuluan kakitangan dan hartaanah, loji dan peralatan seperti mana yang dibangkitkan dalam surat pengurusan. IYRES disaran untuk mempertingkatkan kawalan kualiti bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan betul.
4.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	LGM hendaklah menambah baik kawalan dalaman dengan menyediakan prosedur operasi standard bagi pengurusan aset, tatacara pelupusan aset serta penyelenggaraan rekod penjualan aset selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. LGM hendaklah melaksanakan proses pelupusan aset dengan teratur dan mengenal pasti aset yang hendak dilupuskan supaya pelarasan nilai buku aset dapat dibuat dengan sewajarnya. Ini bagi memastikan untung atau rugi daripada penjualan aset dalam penyata kewangan dilaporkan dengan tepat.
5.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	LHDNM hendaklah menyelesaikan segera proses peletakkan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan selaras seksyen 4 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [ <i>Akta 533</i> ] dan seksyen 415(1) Kanun Tanah Negara 1965. Tanah tersebut sedang digunakan oleh LHDNM bagi tujuan operasi.
6.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	KESEDAR perlu menyelenggara laporan pengumuran bagi rekod pembiutang pelbagai dengan tepat dan kemas kini bagi memastikan penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama.
7.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	PERDA hendaklah mengenal pasti amaun ter hutang daripada syarikat subsidiari, iaitu PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan amaun ter hutang tersebut.
8.	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP BINTULU)	Supplementary Agreement to the Privatisation Agreement antara LP BINTULU dan Bintulu Port Sdn. Bhd. berjumlah RM2.809 bilion belum ditandatangani walaupun Bintulu Port Sdn. Bhd. masih meneruskan pajakan di atas tanah milik LP BINTULU. Baki kadar pajakan tanah pada tahun 2020 adalah berjumlah RM14.84 juta.
9.	Lembaga Pelabuhan Kemaman (LP KEMAMAN)	<p>a. Terdapat kelemahan kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem perakaunan dan kewangan yang digunakan seperti dalam surat pengurusan. LP KEMAMAN disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Antara isu yang dibangkitkan meliputi penggunaan modul dalam sistem SAGA yang tidak menyeluruh, modul yang sedia ada tidak dapat menjana amaun yang tepat untuk penyata kewangan dan kurang pendedahan penggunaan sistem di kalangan kakitangan.</p> <p>b. LP KEMAMAN tidak diluluskan perjawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bertarikh 15 Mac 1996. Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP KUANTAN) telah dilantik untuk menguruskan LP KEMAMAN melalui Perjanjian Pengurusan pada 1 Disember 1998 dan dibayar dengan bayaran perkhidmatan sejumlah RM400,000 setahun. Pada tahun semasa, LP KEMAMAN telah membayar sejumlah RM0.68 juta bagi insentif tahunan kepada kakitangan LP KUANTAN berdasarkan kelulusan Lembaga Pengarah LP KEMAMAN. Bayaran insentif ini perlu dikaji semula memandangkan tiada pengisian perjawatan di LP KEMAMAN yang diluluskan oleh JPA.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
		<p>c. Bayaran kebajikan kakitangan sejumlah RM396,800 telah dibayar kepada Kelab Kebajikan dan Sukan, LP KUANTAN bagi perbelanjaan yang melibatkan belanja insurans, sumbangan cermin mata, belanja kebajikan pekerja, sumbangan perayaan dan sumbangan wabak Covid-19 untuk kakitangan LP KUANTAN. Selain itu, pembayaran yang dibuat melalui Kelab Kebajikan dan Sukan LP KUANTAN tanpa kawalan dan pemantauan terus oleh LP KEMAMAN boleh menyebabkan risiko berlakunya ketirisan dan penyalahgunaan peruntukan.</p>
10.	Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP KUANTAN)	<p>a. Terdapat kelemahan kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem perakaunan dan kewangan yang digunakan seperti dalam surat pengurusan. LP KUANTAN disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Antara isu yang dibangkitkan meliputi penggunaan modul dalam sistem SAGA yang tidak menyeluruh, modul yang sedia ada tidak dapat menjana amaun yang tepat untuk penyata kewangan dan kurang pendedahan penggunaan sistem di kalangan kakitangan.</p> <p>b. Bayaran kebajikan kakitangan sejumlah RM0.53 juta telah dibayar kepada Kelab Kebajikan dan Sukan, LP KUANTAN bagi perbelanjaan yang melibatkan belanja insurans, sumbangan cermin mata, subsidi bil telefon, hari keluarga, pembelian peralatan sukan bilik rekreasi, belanja kebajikan pekerja, pakaian seragam dan sumbangan perayaan. Pembayaran yang dibuat melalui Kelab Kebajikan dan Sukan LP KUANTAN tanpa kawalan dan pemantauan terus oleh LP KUANTAN boleh menyebabkan risiko berlakunya ketirisan dan penyalahgunaan peruntukan.</p>
11.	Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)	Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan isu teknologi maklumat berkaitan dengan sistem perakaunan dan kewangan yang digunakan seperti yang dibangkitkan dalam surat pengurusan. LPM disarankan untuk mempertingkatkan kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata.
12.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)	<p>LPSVN hendaklah memastikan perseimbahan peruntukan manfaat pekerja adalah teratur bagi perkara berikut:</p> <p>a. Peruntukan terhadap manfaat pekerja dan transaksi pembayaran dalam tahun semasa hendaklah direkod, diiktiraf dan dilaporkan selaras dengan MPSAS 25 – Manfaat Pekerja.</p> <p>b. Menyediakan prosedur operasi standard bagi tatacara perakaunan manfaat pekerja selaras dengan polisi serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.</p>
13.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	ECERDC hendaklah mengkaji dan menyediakan polisi perakaunan berkaitan pengiktirafan dan pengukuran yang melibatkan perjanjian usaha sama pembangunan harta tanah. Ini bagi memastikan polisi yang disediakan selaras dengan piawaian perakaunan yang diterima pakai dan dipatuhi secara konsisten.
14.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman, isu pengurusan dan isu teknologi maklumat seperti mana yang dibangkitkan dalam surat pengurusan. FINAS disarankan untuk mempertingkatkan kawalan kualiti bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan betul.
15.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	<p>PERKESO perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>a. Memastikan pengurusan harta tanah, loji dan peralatan dilaksanakan secara lebih teratur dengan memperkemaskan polisi dan prosedur operasi standard bagi pengiktirafan kerja dalam kemajuan. Ini bagi memastikan pelaporan untuk kerja dalam kemajuan; harta tanah, loji dan peralatan; dan pengiraan susut nilai dalam penyata kewangan adalah tepat.</p> <p>b. Menambah baik Dasar Keselamatan ICT Versi 4.3 merangkumi:</p> <p>i. pengurusan kata laluan serta kawalan aplikasi bagi mengelakkan akses yang tidak dibenarkan, kehilangan maklumat sulit serta penjejasan integriti data maklumat kewangan; dan</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
		ii. prosedur kawalan perubahan sistem bagi memastikan setiap perubahan pada sistem perlu dikendalikan, diuji, diluluskan dan didokumentasikan dengan tepat.
16.	Pihak Berkusa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	<p>CAAM perlu menambah baik kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan yang melibatkan isu kawalan dalam berkaitan rekod kutipan hasil. Perkara ini untuk memastikan penyata kewangan yang disediakan adalah tepat dan betul serta mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Semua rekod kewangan perlu diselenggarakan dengan tepat dan kemas kini bagi memastikan penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama.</p> <p>CAAM juga perlu meningkatkan keupayaan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem perakaunan dan kewangan dengan memastikan pematuhan kepada sistem perakaunan standard bagi agensi Kerajaan.</p>
17.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)	SUHAKAM perlu menambah baik kawalan dalam yang melibatkan aspek perekodan penyata kewangan. Penambahbaikan perlu dilaksanakan dengan menyediakan sistem dan tatacara kerja yang jelas serta pewujudan prosedur operasi standard (SOP) yang dikemas kini. Kelemahan yang diperhatikan adalah kaedah perekodan liabiliti dengan mengiktiraf butiran dalam Pesanan Tempatan yang belum menunjukkan bahawa obligasi tersebut telah timbul/wujud dan pengelasan perbelanjaan mengikut maksud sebenar ia dibuat. Oleh itu, SUHAKAM perlu mengkaji semula polisi serta SOP dalam pengiktirafan liabiliti dan pengelasan perbelanjaan sebenar supaya tepat dan selari dengan kehendak piawaian perakaunan yang diterima pakai. Kawalan dalam yang efektif dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan perseimbahan penyata kewangan yang benar dan saksama.
18.	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)	<p>Bayaran bonus kontraktual sejumlah RM1.91 juta kepada 62 orang pekerja MAVCOM yang didapati tidak teratur seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 11 Disember 2019 bersetuju supaya badan kawal selia industri penerbangan Malaysia dirasionalisasikan dan diletakkan di bawah satu entiti. MAVCOM akan dibubarkan dan fungsi utamanya akan dipindahkan kepada Pihak Berkusa Penerbangan Awam Malaysia. Bagaimanapun, sehingga Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan MAVCOM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 ditandatangani, MAVCOM masih meneruskan operasi sehingga Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] dimansuhkan.</li> <li>Anggota Suruhanjaya dalam Mesyuarat MAVCOM Bilangan 1/2020 telah meluluskan cadangan pembayaran bonus kontraktual meliputi dua bulan gaji kepada 62 orang pekerja MAVCOM. Berikutan itu, buku Panduan Pekerja MAVCOM telah dipinda dan klausa pembayaran muhibah dan ganti rugi pembubarannya telah dimasukkan di bawah perenggan 2.5 panduan tersebut.</li> <li>Bayaran bonus kontraktual tersebut telah dibayar kepada 62 orang pekerja MAVCOM pada 5 Februari 2020 berjumlah RM1.91 juta daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia.</li> <li>Bayaran ini adalah tidak teratur kerana pembayaran bonus kontraktual dilaksanakan dengan serta merta dan <i>pre-mature</i> sebelum MAVCOM dibubarkan. Pembayaran ini juga tidak diangkat untuk kelulusan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Kementerian Kewangan.</li> </ol>
19.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	UiTM perlu memastikan urusan perjanjian pajakan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan pendaftaran dokumen hak milik tanah pajakan diselesaikan dengan segera. Rekod perjanjian hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan pemantauan dan pengesahan hak milik dibuat.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

### c. Perenggan Perkara Utama Audit

- ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus.

- ii. **Institut Akauntan Malaysia (MIA) diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan perenggan Perkara Utama Audit bagi penyata kewangan berakhir 30 Jun 2021.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.5.**

**JADUAL 4.5**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT**

BIL.	PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT
1.	<p><b>Institut Akauntan Malaysia (MIA)</b></p> <p>Ketepatan Pengiktirafan Pendapatan</p> <p>Sumber pendapatan utama MIA adalah yuran keahlian dan pendapatan daripada acara dan persidangan. Sumber pendapatan ini berjumlah RM28.52 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021 (2020: RM35.29 juta).</p> <p>Memandangkan kedua-dua pendapatan ini adalah komponen signifikan dalam pendapatan MIA dan melibatkan jumlah transaksi yang besar, justeru perhatian ditumpukan ke atas ketepatan pengiktirafannya.</p> <p>Prosedur Audit, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. memperoleh pemahaman mengenai sistem, proses dan kawalan bagi menentukan ketepatan dan masa pengiktirafan pendapatan ini dalam penyata kewangan dan melaksanakan ujian ke atas kawalan utama;</li> <li>b. menjangkakan yuran pendaftaran ahli bagi tahun semasa dengan mendapatkan bilangan ahli bagi tahun semasa, didarabkan dengan yuran tahunan keahlian, dan membandingkan jangkaan tersebut dengan jumlah yuran pendaftaran ahli sebenar yang diiktiraf bagi tahun kewangan semasa;</li> <li>c. mengkaji penyesuaian yang dibuat terhadap jumlah pendapatan untuk acara dan persidangan di antara sistem perakaunan dan Sistem Maklumat Keahlian MIA yang disediakan oleh pengurusan;</li> <li>d. menyemak bilangan peserta dan yuran acara yang dikenakan kepada laporan kehadiran peserta bagi sampel invois yang terpilih;</li> <li>e. melaksanakan ujian <i>cut-off</i> terhadap pendapatan tersebut; dan</li> <li>f. menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan untuk pengiktirafan pendapatan.</li> </ul>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2021

#### **4.3.3. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara, tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

##### **a. Pendapat Berteguran**

- i. Pendapat Berteguran adalah pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan adalah material tetapi tidak pervasif.

- ii. Bagi tahun kewangan 2020, **17 Agensi Persekutuan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran** seperti dalam **Jadual 4.6**.

**JADUAL 4.6**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA BAGI**  
**TAHUN KEWANGAN 2020 DENGAN PENDAPAT BERTEGURAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Akademi Sains Malaysia (ASM)	<p>Belanja perkhidmatan serta bekalan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain adalah terlebih nyata sejumlah RM76,243 bagi tahun 2020. Perbelanjaan ini sepatutnya direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Pada 31 Disember 2017, ASM telah mengiktiraf bangunan di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Sehingga kini, ASM masih belum memperoleh dokumen pemilikan bangunan tersebut.</p>
2.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	<p>a. Penilaian semula hartaanah, loji dan peralatan DBP dibuat berdasarkan perbandingan antara nilai pasaran dan nilai kos hartaanah tersebut. Ini bertentangan dengan MPSAS 17 di mana penilaian semula adalah berdasarkan perbandingan nilai saksama dan nilai buku bersih.</p> <p>Ini memberi kesan kepada hartaanah, loji dan peralatan terkurang nyata berjumlah RM50.51 juta, rizab penilaian semula terkurang nyata berjumlah RM127.24 juta dan lebih terkumpul terlebih nyata berjumlah RM76.73 juta.</p> <p>b. Bayaran interim bagi projek penggantian lif DBP telah direkodkan sebagai belanja menyebabkan hartaanah, loji dan peralatan (kerja dalam pelaksanaan) terkurang nyata dan belanja terlebih nyata masing-masing berjumlah RM2.10 juta.</p> <p>Selain itu, kerja dalam pelaksanaan berjumlah RM2.75 juta telah direkodkan sebagai aset dan disusut nilai menyebabkan hartaanah, loji dan peralatan terkurang nyata dan belanja susut nilai terlebih nyata masing-masing berjumlah RM22,957.</p> <p>c. Pelarasan belanja komisen pengedaran dan pemutang penangguhan bayaran telah dibuat sebanyak dua kali menyebabkan amaun bagi tahun 2020 terlebih nyata berjumlah RM1.81 juta.</p>
3.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai (JUBLI PERAK)	<p>JUBLI PERAK telah merekodkan kerugian atas pelupusan hartaanah, loji dan peralatan berjumlah RM160,190 dalam tahun kewangan 2020. Kerugian atas pelupusan tidak dapat ditentusahkan kerana kerugian ini wujud hasil daripada pelarasan atas hartaanah, loji dan peralatan tanpa dinyatakan jenis aset, justifikasi pelupusan dan kaedah pelupusan.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>a. JUBLI PERAK perlu menyediakan Tatacara Pengurusan Aset yang terperinci berkenaan perolehan, perekodan dan pelupusan bagi memastikan pengurusan aset adalah lengkap dan kemas kini.</p> <p>b. Mesyuarat Jawatankuasa Am Bil. 1/2021 pada 29 April 2021 telah meluluskan hapus kira untuk dibuat bagi semua aset yang tidak dapat dikenal pasti pada tahun-tahun sebelumnya. Mesyuarat sepatutnya dimaklumkan dengan terperinci jenis dan amaun aset yang hendak dilupuskan. Ini bagi mengelak berlakunya pelupusan aset tanpa kebenaran.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
4.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPDP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Baki bank pada 31 Disember 2020 berjumlah RM4.66 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana perbezaan dengan baki buku tunai sejumlah RM11,120 dan surat pengesahan bank sejumlah RM53,137. Baki awal buku tunai pada 1 Januari 2020 berbeza dengan baki akhir buku tunai pada 31 Disember 2019 sejumlah RM98,188.</li> <li>b. Baki simpanan tetap pada 31 Disember 2020 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza dengan baki yang dinyatakan dalam surat pengesahan bank sejumlah RM50,369.</li> <li>c. Baki pelbagai pemutang lain pada 31 Disember 2020 berjumlah RM46,199 tidak dapat dikenal pasti kerana amaun tersebut tidak direkodkan sebagai belanja tahun semasa dalam Penyata Pendapatan.</li> <li>d. Baki cukai pendapatan terakru pada 31 Disember 2020 berjumlah RM95,300 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana pengiraan cukai tidak dikemukakan. Selain itu, amaun tersebut juga tidak direkodkan sebagai belanja cukai semasa dalam Penyata Pendapatan.</li> <li>e. Belanja pengubahsuaian pejabat berjumlah RM69,955 tidak dilaraskan setelah dipermodalkan sebagai hartaanah, loji dan peralatan. Perkara ini menyebabkan kumpulan wang terkumpul pada 31 Disember 2020 telah terlebih nyata dengan jumlah yang sama.</li> </ul>
5.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Nilai buku bersih aset kenderaan dan jentera KADA pada 31 Disember 2020 adalah RM12.46 juta (2019: RM14.69 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah aset jentera dengan nilai buku bersih keseluruhan berjumlah RM2.80 juta. Nilai buku bersih aset jentera tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM5.58 juta. Perkara ini disebabkan susut nilai terkumpul aset jentera pada 31 Disember 2020 telah terlebih nyata sebanyak RM2.78 juta kerana kesilapan pengiraan kadar susut nilai. Belanja susut nilai RM0.82 juta tahun 2020 juga telah terlebih nyata menyebabkan kurangan pendapatan bersih terkurang dinyatakan dengan jumlah yang sama.</li> <li>b. Hasil daripada urus niaga pertukaran, hasil jualan padi yang diterima pada 31 Disember 2020 adalah RM9.25 juta (2019: RM6.72 juta). KADA telah merekodkan insentif yang diterima oleh Ladang Merdeka berjumlah RM253,843 sebagai deposit/amanah diterima pada tahun 2020. Ini menyebabkan baki liabiliti semasa dan kurangan pendapatan bersih terlebih dinyatakan sejumlah RM253,843.</li> <li>c. Baki deposit/amanah diterima KADA pada 31 Disember 2020 adalah RM1.19 juta (2019: RM0.87 juta). Amaun deposit tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM1.82 juta. Perkara ini disebabkan oleh KADA tidak merekodkan hasil jualan padi terkumpul yang tidak dituntut oleh peserta Ladang Merdeka dari musim 1/2012 sehingga musim 2/2018 berjumlah RM289,516. Selain itu, berlaku kesilapan perekodan simpanan musim berjumlah RM343,747 sebagai pendapatan tahun 2020. Ini menyebabkan baki liabiliti semasa dan kurangan pendapatan bersih telah terkurang dinyatakan sejumlah RM0.63 juta.</li> </ul>
6.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Baki deposit tetap pada 31 Disember 2020 adalah RM37.50 juta. Berdasarkan surat pengesahan baki bank, jumlah deposit tetap adalah RM38.19 juta. Perbezaan rekod baki sejumlah RM0.69 juta disebabkan oleh KETENGAH tidak mempermodalkan faedah deposit tetap yang diterima.</li> <li>b. Baki pemutang pelbagai pada 31 Disember 2020 adalah RM13.23 juta. KETENGAH tidak mengiktiraf pelbagai tuntutan bayaran diterima sejumlah RM1.78 juta. Perkara ini telah menyebabkan pemutang pelbagai dan perbelanjaan terkurang nyata pada jumlah yang sama.</li> </ul> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>KETENGAH hendaklah memastikan pelarasan atau kesilapan bagi tempoh terdahulu dibuat mengikut kaedah retrospektif dengan menyatakan semula angka bandingan semasa penyediaan penyata kewangan tahunan.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
7.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	<p>Baki kos kenderaan, perkakasan komputer dan peralatan pejabat pada 31 Disember 2020 adalah RM16.31 juta manakala rekod dalam sistem aset (CMSys) menunjukkan baki berjumlah RM45.02 juta. Terdapat perbeaan RM28.71 juta yang tidak dapat dipadankan. Oleh itu, ketepatan kos kenderaan, perkakasan komputer dan peralatan pejabat berjumlah RM16.31 juta tidak dapat disahkan.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Terdapat kelemahan kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan. MIDA perlu mengambil tindakan menyelesaikan isu berulang yang dibangkitkan dan meningkatkan kawalan dalaman termasuk memastikan rekod kewangan serta sistem perakaunan berkomputer dikemas kini. Ini bertujuan memastikan maklumat yang dipersembahkan dalam penyata kewangan adalah tepat dan betul.</p>
8.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pelaburan LTAT dalam tujuh syarikat subsidiari pada tahun 2020 adalah RM5.059 bilion. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah kos pelaburan di Boustead Holdings Berhad berjumlah RM2.551 bilion. Nilai pasaran pada 31 Disember 2020 bagi Boustead Holdings Berhad berjumlah RM753 juta. Bagaimanapun, LTAT tidak membuat penjejasan nilai RM1.798 bilion terhadap Boustead Holdings Berhad mengikut MFRS 136 Penjejasan Aset. Perkara ini menyebabkan untung bersih dan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata berjumlah RM1.798 bilion.</li> <li>b. Liabiliti manfaat kakitangan LTAT pada tahun 2020 adalah RM86.62 juta. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah manfaat perubatan selepas persaraan RM53.54 juta yang sepatutnya berjumlah RM105.09 juta seperti kehendak MFRS 119 Manfaat Kakitangan. Mengikut Laporan Penilaian Aktuari, penilaian semula skim manfaat perubatan selepas persaraan pada 31 Disember 2020 adalah RM59.43 juta. Bagaimanapun, LTAT hanya mengiktiraf RM7.88 juta daripada RM59.43 juta. Perkara ini menyebabkan kerugian komprehensif terlebih nyata dan liabiliti manfaat kakitangan terkurang nyata berjumlah RM51.55 juta.</li> <li>c. Inventori LTAT pada tahun 2020 adalah RM1.383 bilion. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah kos projek pembangunan Kompleks Logistik Tentera Darat RM5.43 juta. LTAT telah mengiktiraf kos projek pembangunan tersebut sebagai inventori sejak tahun 2015. Sehingga 31 Disember 2020, projek berkenaan belum dilaksanakan dan tiada kontrak dimeterai. Bagaimanapun, LTAT tidak membuat hapus kira terhadap projek pembangunan Kompleks Logistik Tentera Darat berjumlah RM5.43 juta seperti kehendak MFRS 102 Inventori. Perkara ini menyebabkan untung bersih dan inventori terlebih nyata RM5.43 juta.</li> </ul> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pada 11 Mei 2021, LTAT mengisytihar dividen sebanyak 3.5% bersamaan RM310.69 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Bagaimanapun, Laporan Cadangan Pembayaran Dividen Tahun 2020 oleh aktuari menyatakan pembayaran dividen pada kadar 3.5% akan menjelaskan keupayaan LTAT untuk membayar liabilitinya. Bagi merealisasikan pembayaran dividen tersebut, Kerajaan telah meluluskan permohonan LTAT untuk mengecualikan baki pembayaran dividen bagi caruman Kerajaan berjumlah RM188.68 juta kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Pengecualian ini menjadikan peningkatan keuntungan tertahan pada tahun 2020 daripada RM125.29 juta kepada keuntungan tertahan RM313.97 juta, iaitu keuntungan yang bukan daripada aktiviti utama LTAT.</li> <li>b. Berdasarkan kepada MFRS 137 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, jumlah caruman Angkatan Tentera Malaysia yang diiktiraf sebagai ekuiti memenuhi kriteria untuk diiktiraf sebagai liabiliti. LTAT mempunyai kewajipan undang-undang untuk membayar kembali caruman Angkatan Tentera Malaysia berserta dividen semasa pengeluaran seperti kehendak seksyen 9 dan 10 Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101]. Aliran tunai keluar dapat dianggar berdasarkan jangkaan pengeluaran oleh pencarum yang memenuhi kehendak seksyen 12 Akta 101. LTAT perlu menyediakan sejumlah peruntukan wang bagi membayar jumlah caruman tersebut berserta dividen bagi tujuan tersebut.</li> </ul>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>c. Mengikut seksyen 15(1)(a) Akta 101, LTAT boleh melabur tidak kurang daripada 70% dalam pelaburan yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Bagaimanapun, LTAT hanya membuat pelaburan berjumlah RM3.009 bilion atau 32% iaitu kurang 38% daripada had ditetapkan. Seksyen 15(1)(b) pula membenarkan LTAT melabur tidak melebihi 30% dalam pelaburan ekuiti sama ada tidak disenaraikan atau disenaraikan di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia. Bagaimanapun, LTAT telah membuat pelaburan berjumlah RM6.391 bilion atau 68%, iaitu melebihi 38% daripada had ditetapkan.</p>
9.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (WAKAF HINDU)	<p>a. Terdapat dua lot tanah yang diterima oleh WAKAF HINDU dalam tahun kewangan 2020 bernilai RM1.48 juta melalui urus niaga bukan pertukaran. Namun, pihak WAKAF HINDU telah mengkreditkan nilai pendapatan bukan pertukaran ke akaun keuntungan terkumpul dan bukannya ke akaun pendapatan operasi. Ini menyebabkan pendapatan bagi tahun kewangan semasa terkurang nyata dan akaun keuntungan terkumpul terlebih nyata sejumlah RM1.48 juta.</p> <p>b. Termasuk dalam rizab penilaian semula tahun semasa adalah penilaian bongkah emas dan perak yang dibuat pada tahun 2013 berjumlah RM0.64 juta. Pada tahun 2016, WAKAF HINDU telah menjual bongkah perak dan jumlah ini bagaimanapun masih tidak dikeluarkan menyebabkan rizab penilaian semula tahun semasa telah terlebih nyata berjumlah RM118,572.</p> <p>Pada tahun 2016, bongkah emas bernilai RM0.52 juta telah dicairkan dan dijadikan sebagai <i>golden chariot</i>. WAKAF HINDU tidak membuat susut nilai terhadap <i>golden chariot</i> menyebabkan susut nilai terkumpul telah terkurang nyata dari tahun 2016 hingga 2019 berjumlah RM41,780, manakala susut nilai tahun semasa berjumlah RM10,445 juga tidak dicajkan ke akaun rizab penilaian semula.</p>
10.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<p>a. Pelarasan Kesan Peralihan MPSAS dan Pelarasan Tahun Terdahulu</p> <p>i. MARA tidak menyediakan dokumen sokongan yang lengkap dan penjelasan yang mencukupi bagi pelarasan kesan peralihan MPSAS pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 terhadap urus niaga pertukaran belum terima (aset bukan semasa) masing-masing berjumlah RM8.917 bilion dan RM7.973 bilion serta urus niaga pertukaran belum terima (aset semasa) masing-masing berjumlah RM896.47 juta dan RM512.84 juta.</p> <p>ii. Yayasan Pelajaran MARA yang merupakan syarikat subsidiari MARA tidak menyediakan dokumen sokongan yang lengkap dan penjelasan yang mencukupi bagi pelarasan baki awal geran kerajaan tertunda serta baki bank dan wang tunai pada 1 Januari 2019 masing-masing berjumlah RM27.57 juta dan RM29.19 juta.</p> <p>iii. MARA tidak menyediakan dokumen sokongan yang lengkap dan penerangan yang mencukupi bagi pelarasan tahun terdahulu bagi item penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 melibatkan liabiliti bukan semasa berjumlah RM55.62 juta, ekuiti berjumlah RM78.87 juta, aset bukan semasa dan aset semasa berjumlah RM25.51 juta serta liabiliti bukan semasa berjumlah RM6.26 juta.</p> <p>b. MARA merekodkan jurnal pendua ke dalam lejar am menyebabkan wang tunai dan dana jangka pendek dan lebihan terkumpul pada 31 Disember 2019 telah terlebih nyata berjumlah RM20.47 juta.</p> <p>c. MARA tidak mengiktiraf pinjaman pada kos terlunas tetapi telah membuat pelarasan nilai saksama dan merekodkan lebihan dalam penyata prestasi kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berjumlah RM567.87 juta.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Terdapat kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalam termasuklah memastikan kesempurnaan nilai liabiliti yang masih belum direkodkan, isu pengurusan, isu pemantauan syarikat subsidiari dan isu teknologi maklumat seperti mana yang dibangkitkan dalam surat pengurusan. MARA hendaklah memastikan sistem kewangan baharu sentiasa</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>relevan untuk menangani kekangan sistem kewangan lama yang lapuk. Selain itu, MARA juga disaran untuk mempertingkatkan kawalan kualiti bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan betul.</p>
11.	Majlis Perubatan Malaysia (MMC)	<p>a. Sejumlah RM1.44 juta liabiliti telah terkurang nyata disebabkan oleh bayaran yuran perkhidmatan pendaftaran pakar perubatan bagi tahun 2021 hingga 2023. Bayaran tersebut yang dipersetujui oleh MMC kepada Academy of Medicine of Malaysia tidak direkod dalam Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Persetujuan jumlah bayaran yuran tersebut antara kedua-dua pihak telah dimeterai melalui Memorandum Perjanjian pada tahun 2019.</p> <p>b. Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia menunjukkan peningkatan sejumlah RM6.19 juta. Peningkatan ini tidak selari dengan lebihan terkumpul tahun semasa berjumlah RM6.50 juta, iaitu perbezaan sejumlah RM305,903. Penyata Perubahan Ekuiti menunjukkan amaun sejumlah RM305,903 ini sebagai pergerakan dalam dana. Tiada dokumen sokongan dikemukakan bagi mengesahkan jumlah ini.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>a. Peraturan berkaitan pengurusan kewangan hendaklah disediakan sebagai rujukan semua dalam memahami persekitaran pengurusan kewangan MMC dan memudahkan proses kerja pengurusan kewangan secara sistematik pada masa hadapan.</p> <p>b. MMC telah melaksanakan migrasi sistem SAGA 8.2 kepada SAGA Government Resource Planning (GRP) 9.0 bermula pada bulan Oktober 2020. Dalam tempoh tersebut, terdapat kelemahan migrasi data yang dikenal pasti telah menjelaskan penyediaan penyata kewangan muktamad. Sehubungan itu, MMC hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan tiada kesilapan maklumat kewangan disebabkan proses migrasi data.</p> <p>c. MMC hendaklah memastikan rekod berkaitan kewangan adalah teratur dan kemas kini supaya dapat menyokong baki yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Semua pelarasan yang disediakan hendaklah mendapat kelulusan yang sewajarnya, disokong dengan dokumen yang lengkap dan mempunyai penerangan yang jelas.</p>
12.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	<p>RAC telah membuat pelarasan tahun terdahulu berjumlah RM11.639 bilion sebagai pelarasan tahun semasa pada Penyata Perubahan Dalam Ekuiti. Pelarasan ini melibatkan projek Keretapi Tanah Melayu Berhad yang dipermodalkan dan direkodkan sebagai perbelanjaan infrastruktur, susut nilai terkumpul tanah pajakan berdasarkan kepada tempoh pajakan serta pelunasan geran bagi permodalan aset. Ini menyebabkan baki pada 1 Januari 2020 pada Penyata Perubahan Dalam Ekuiti tidak memberi gambaran yang benar dan saksama.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>RAC perlu menambah baik kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan yang melibatkan isu kawalan dalaman berkaitan rekod harta tanah, loji dan peralatan, kerja dalam pelaksanaan, geran Kerajaan Persekutuan, akaun belum terima serta akaun belum bayar. Ini untuk memastikan penyata kewangan yang disediakan adalah tepat dan betul serta mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Semua rekod kewangan perlu diselenggarakan dengan tepat dan kemas kini bagi memastikan penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama.</p> <p>RAC juga perlu meningkatkan keupayaan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem perakaunan dan kewangan dengan memastikan pematuhan kepada sistem perakaunan standard bagi agensi Kerajaan.</p>
13.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	<p>Simpanan tetap dalam BIMB Investment Management Berhad berjumlah RM85.53 juta sebenarnya adalah merupakan pelaburan dalam unit amanah dengan nilai pasaran berjumlah RM40.21 juta pada 31 Disember 2020. Bagaimanapun, pihak MyIPO tidak melaporkan pelaburan ini secara berasingan sebagai akaun pelaburan unit amanah di penyata kewangan kerana dikhawatir akan menjelaskan proses tindakan guaman yang akan diambil. Secara keseluruhannya, pelaburan dalam unit amanah yang dinyatakan sebagai</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		simpanan tetap telah terlebih nyata sejumlah RM45.32 juta dalam penyata kewangan. Kesilapan perakaunan ini telah dikenal pasti pada tahun kewangan 2018, namun masih dalam siasatan pihak berkuasa dan penelitian peguam MyIPO.
14.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP)	<p>a. Manfaat pekerja jangka panjang merupakan peruntukan gantian cuti rehat kepada kakitangan SME CORP yang layak dan akan bersara. Baki manfaat pekerja jangka panjang pada 31 Disember 2020 adalah RM6.93 juta. Polisi pengiraan manfaat pekerja jangka panjang tidak konsisten kerana baki awal peruntukan bagi tahun 2020 tidak dikira menggunakan asas diskau nilai semasa. Pengiraan manfaat pekerja jangka panjang juga telah dibuat tanpa mengambil kira faktor kenaikan gaji sehingga tarikh persaraan. Kaedah pengiraan ini tidak mematuhi MPSAS 25 Manfaat Pekerja perenggan 77 hingga 79, 96 (a) dan 97.</p> <p>b. SME CORP telah merekodkan cukai kena bayar termasuk penalti sejumlah RM40.70 juta pada 31 Disember 2020. Peruntukan cukai dibuat setelah menerima Notis Taksiran Tahun 2010 hingga 2019 di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Berdasarkan Notis Taksiran, cukai telah dikenakan terhadap pendapatan faedah yang tidak termasuk dalam pengecualian cukai. Pendapatan faedah pada tahun 2020 adalah sejumlah RM8.06 juta. SME CORP tidak membuat peruntukan cukai bagi tahun taksiran 2020 terhadap pendapatan faedah tersebut.</p>
15.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	<p>a. Baki hartanah pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah RM275.91 juta. Berdasarkan laporan penilaian harta tanah, nilai saksama harta tanah pelaburan Kedah Rubber City dan Asam Kumbang masing-masing telah meningkat sejumlah RM250.93 juta dan RM1.37 juta. NCIA telah mengiktiraf peningkatan nilai saksama harta tanah pelaburan berjumlah RM250.93 juta dalam Akaun Khas Kedah Rubber City dan RM1.37 juta dalam akaun Dana Pembangunan. Peningkatan nilai saksama harta tanah pelaburan ini sepatutnya diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan selaras dengan MPSAS 16 perenggan 44. Perkara ini menyebabkan hasil dan lebihan dalam tahun terkurang nyata sejumlah RM252.30 juta. Selain itu, Akaun Khas Kedah Rubber City dan Dana Pembangunan masing-masing terlebih nyata sejumlah RM250.90 juta dan RM1.37 juta.</p> <p>b. Setakat 31 Disember 2020, baki kerja dalam kemajuan adalah RM255.60 juta. NCIA tidak mengiktiraf tuntutan bayaran yang telah diterima bagi kerja yang telah dilaksanakan dalam tahun 2020 berjumlah RM5.78 juta. Perkara ini telah menyebabkan kerja dalam kemajuan dan urus niaga pertukaran belum bayar terkurang nyata sejumlah RM5.78 juta.</p>
16.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)/ Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG)	<p>a. Saham bonus terlebih nyata berjumlah RM62.99 juta disebabkan YGTHO telah merekodkan saham bonus bagi Public Bank Berhad pada tahun semasa tetapi tarikh kelayakan untuk menerima saham bonus tersebut mengikut Notice of Allotment adalah pada 5 Februari 2021. Selain itu, penambahan lain-lain saham bonus berjumlah RM2.83 juta turut dicatatkan sebanyak dua kali, iaitu dalam pengiraan nilai saksama saham pada akhir tahun dan juga telah mengiktiraf saham bonus secara berasingan.</p> <p>b. Baki pada 1 Januari 2020 di Penyata Perubahan Ekuiti (Wang Cadangan Am) berbeza dengan baki pada 31 Disember 2019 sejumlah RM0.88 juta kerana pengurangan peruntukan gratuity tahun semasa telah direkodkan di baki awal pada 1 Januari 2020.</p> <p>c. Hartanah pelaburan berjumlah RM108.04 juta telah direkodkan berdasarkan nilai kos berbanding nilai saksama, iaitu harga pasaran. Hal ini bertentangan dengan keperluan seksyen 16 MPERS dan dasar perakaunan YGTHO seperti dalam penyata kewangan.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
17.	Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	<p>a. YPM telah membuat pelarasan tahun lalu terhadap baki awal geran kerajaan tertunda pada 1 Januari 2019 untuk mengambil kira kesan pemakaian MPSAS. Baki awal geran kerajaan tertunda pada 1 Januari 2019 berjumlah RM74.69 juta telah dinyatakan semula kepada RM47.12 juta selepas mengambil kira pelarasan berjumlah RM27.57 juta. Namun, pelarasan berjumlah RM27.57 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap dan tidak dinyatakan penerangan yang jelas. Oleh itu, baki geran kerajaan tertunda pada 31 Disember 2020 berjumlah RM92.64 juta tidak dapat disahkan ketepatannya. Bagaimanapun, transaksi terimaan sejumlah RM50 juta dan pelunasan berjumlah RM32.94 juta pada tahun 2020 disahkan benar dan saksama.</p> <p>b. YPM telah membuat pelarasan tahun lalu berjumlah RM29.19 juta terhadap baki awal bank dan wang tunai pada 1 Januari 2019 yang berjumlah RM42.78 juta. Ini menyebabkan baki bank dan wang tunai pada 1 Januari 2019 telah dinyatakan semula kepada RM13.59 juta. Pelarasan tersebut telah menyebabkan baki awal bank dan wang tunai pada 1 Januari 2019 berbeza berbanding lejar am berjumlah RM42.78 juta. Pelarasan yang dibuat juga tidak disokong dengan dokumen yang lengkap dan tidak dinyatakan penerangan yang jelas. Bagaimanapun, pelarasan tersebut tidak menjelaskan baki bank dan wang tunai pada 31 Disember 2020 berjumlah RM66.53 juta.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>YPM hendaklah memastikan penyelenggaraan rekod geran kerajaan tertunda teratur dan kemas kini supaya baki akaun yang dilaporkan adalah tepat. Semua pelarasan yang dibuat hendaklah mendapat kelulusan yang sewajarnya, disokong dengan dokumen yang lengkap serta penerangan yang jelas.</p>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

- iii. Trend pensijilan bagi tempoh tiga tahun untuk 17 Agenси Persekutuan yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4.7**.

**JADUAL 4.7**  
**TREND PENSIJILAN BAGI TEMPOH TIGA TAHUN UNTUK AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN PADA TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2020	2019	2018
1.	Akademi Sains Malaysia (ASM)	Berteguran	Tanpa Teguran	Berteguran
2.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
3.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai (JUBLI PERAK)	Berteguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran
4.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPDP)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
6.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
7.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
8.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
9.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (WAKAF HINDU)	Berteguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2020	2019	2018
10.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
11.	Majlis Perubatan Malaysia (MMC)	Berteguran	Berteguran	Penafian Pendapat
12.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	Berteguran	Tanpa Teguran	Berteguran
13.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
14.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
15.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	Berteguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran
16.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)/ Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
17.	Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	Berteguran	Berteguran	Berteguran

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2018 hingga 2020

### b. Pendapat Bertentangan

Pendapat Bertentangan adalah pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian. **Setakat 31 Disember 2021, tiada Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Bertentangan bagi tahun kewangan 2020.**

### c. Penafian Pendapat

Penafian Pendapat dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif, di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Penafian Pendapat juga diberi apabila juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidakpastian tetapi tidak dapat memberi pendapat disebabkan oleh potensi ketidakpastian dan kesan kumulatif terhadap penyata kewangan. **Setakat 31 Disember 2021, tiada Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Penafian Pendapat bagi tahun kewangan 2020.**

#### **4.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2019**

**4.4.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2020 tidak melaporkan status 79 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.** Laporan tersebut hanya melaporkan 69 Penyata Kewangan yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 30 September 2020.

4.4.2. Jenis Sijil Ketua Audit Negara terhadap 79 penyata kewangan tersebut terdiri daripada 43 Pendapat Tanpa Teguran, tiga Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Perkara Utama Audit, 17 Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara, 15 Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Bertentangan. Sijil Ketua Audit Negara bagi 43 Pendapat Tanpa Teguran adalah seperti dalam **Jadual 4.8.**

**JADUAL 4.8  
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
TAHUN KEWANGAN 2019 DENGAN PENDAPAT TANPA TEGURAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN)	30.09.2020
2.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA)	01.10.2020
3.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	01.10.2020
4.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	05.10.2020
5.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	07.10.2020
6.	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)	09.10.2020
7.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang - Teluk Ewa (SPPP - TELUK EWA)	13.10.2020
8.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)	13.10.2020
9.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	13.10.2020
10.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)	05.10.2020
11.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	15.10.2020
12.	Lembaga Totalisator Malaysia (LTM)	19.10.2020
13.	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	20.10.2020
14.	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA)	21.10.2020
15.	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	22.10.2020
16.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	23.10.2020
17.	Lembaga Pelabuhan Labuan (LP LABUAN)	26.10.2020
18.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	26.10.2020
19.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	28.10.2020
20.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	30.10.2020

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
21.	Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)	30.10.2020
22.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	30.10.2020
23.	Institut Koperasi Malaysia (IKM)	04.11.2020
24.	Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)	12.11.2020
25.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	20.11.2020
26.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	30.11.2020
27.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	01.12.2020
28.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	15.12.2020
29.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	15.12.2020
30.	Perbadanan Putrajaya (PPj)	15.12.2020
31.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	17.12.2020
32.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	23.12.2020
33.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	23.12.2020
34.	Perbadanan Labuan (PL)	23.12.2020
35.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	23.12.2020
36.	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)	24.12.2020
37.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	29.12.2020
38.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	31.12.2020
39.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	11.01.2021
40.	Yayasan Pelajaran Persatuan Peladang dan Pertubuhan Peladang Mada (YP MADA)	13.01.2021
41.	Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	15.01.2021
42.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	21.01.2021
43.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	03.02.2021

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

4.4.3. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 dengan perenggan Penegasan Perkara atau Perkara Utama Audit adalah seperti dalam **Jadual 4.9.**

**JADUAL 4.9**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN KEWANGAN 2019**  
**DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT**

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA</b>	
1.	<p><b>Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)</b>            Tarikh Sijil Ditandatangani: 05.10.2020</p> <p>Geran Pembangunan Private Finance Initiative (PFI) pada 31 Disember 2019 menunjukkan baki negatif berjumlah RM3.52 juta dan juga nota penyesuaian hendaklah disediakan bagi menunjukkan baki sebenar Geran Pembangunan PFI tersebut.</p>
2.	<p><b>Lembaga Penyalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)</b>            Tarikh Sijil Ditandatangani: 09.10.2020</p> <p>Sejumlah RM120.01 juta daripada RM141.31 juta pelbagai pembiutang bagi urus niaga pertukaran adalah hutang tertunggak yang melebihi tempoh satu tahun. Bermula pada bulan April 2020, sebahagian pembekal telah mengeluarkan Writ Saman dan Notis Tuntutan Bayaran terhadap LPPM atas kelewatan bayaran hutang tertunggak berjumlah RM73.19 juta atau 52% dari jumlah keseluruhan pelbagai pembiutang bagi urusan pertukaran. Pada 27 Ogos 2020, Lembaga Pengarah LPPM telah meluluskan Pelan</p>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
	Perancangan Pembayaran Tuntutan Hutang untuk menjelaskan hutang tertunggak tersebut secara berperingkat bermula September 2020 sehingga April 2021.
3.	<p><b>Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 12.10.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Manfaat pekerja berjumlah RM4.49 juta merangkumi Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Penamatian Kontrak. Jumlah ini didapati tidak mengambil kira peruntukan Gantian Cuti Rehat bagi 37 kakitangan kontrak untuk tempoh jangka panjang dan 34 kakitangan kontrak untuk tempoh jangka pendek di MAIWP Labuan. Selain itu, liabiliti jangka panjang manfaat pekerja tidak dinyatakan pada nilai Net Present Value (NPV) seperti yang ditetapkan dalam seksyen 28.17 MPERS. Disebabkan tiada polisi pengukuran NPV oleh MAIWP, pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah sebenar yang sepatutnya direkodkan dalam penyata kewangan.</li> <li>b. Polisi perakaunan MAIWP menetapkan pada setiap tarikh pelaporan, inventori dinilai untuk rosot nilai selaras dengan ketetapan seksyen 13.19 MPERS. Sebanyak 28,257 unit inventori berupa pakaian seragam dan sukan tadika yang berjumlah RM0.87 juta didapati telah rosak, usang dan tidak dapat dijual. Bagaimanapun, jumlah tersebut masih direkodkan pada nilai kos sebenar pada 31 Disember 2019 tanpa mengambil kira peruntukan rosot nilai mengikut polisi yang ditetapkan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah sebenar amaun inventori yang sepatutnya direkodkan dalam penyata kewangan.</li> </ul>
4.	<p><b>Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (WAKAF HINDU)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 23.10.2020</p> <p>Kerja ubah suai kuil Bukit Waterfall yang berjumlah RM142,846 telah selesai dilaksanakan dalam tahun kewangan 2019 tetapi pihak WAKAF HINDU hanya mengiktiraf nilai aset setakat bayaran yang dibuat kepada kontraktor berjumlah RM100,000 sehingga 31 Disember 2019. Ini menyebabkan aset terkurang nyata sejumlah RM42,846 di penyata kewangan tahun 2019.</p>
5.	<p><b>Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP BINTULU)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 26.10.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Supplementary Agreement to the Privatisation Agreement antara LP BINTULU dan Bintulu Port Sdn. Bhd. berjumlah RM2.808 bilion belum ditandatangani walaupun Bintulu Port Sdn. Bhd. masih meneruskan pajakan di atas tanah milik LP BINTULU. Baki kadar pajakan tanah pada tahun 2019 adalah berjumlah RM14.79 juta. Kegagalan untuk mengikat kedua pihak dengan terma dan syarat perjanjian merupakan satu risiko dan boleh memberi impak kepada kewangan apabila berlaku percanggahan pendapat di antara penyewa dan tuan tanah pada masa hadapan.</li> <li>b. LP BINTULU mengklasifikasikan keseluruhan tanah pegangan pajakan dan bangunan sebagai harta tanah pelaburan sejumlah RM1.308 bilion. Pengasingan item harta tanah pelaburan dan harta tanah, loji dan peralatan tidak dapat dilaksanakan kerana jumlah nilai bersih belum dapat dikenal pasti.</li> <li>c. Projek Supply Base in Second Basin of Bintulu Port telah dibatalkan pada tahun 2019 dan mempunyai baki kerja dalam kemajuan berjumlah RM48.71 juta. Pihak Audit mendapati penilaian rosot nilai bagi pembatalan projek tersebut tidak dilaksanakan kerana kos yang terlibat belum dapat dikenal pasti.</li> </ul>
6.	<p><b>Institut Sukan Negara (ISN)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 30.10.2020</p> <p>Akaun Dana Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dan Geran Pembangunan Anti-Doping Malaysia adalah berbaki debit sejumlah RM28.09 juta. Perkara ini berlaku disebabkan oleh penggunaan dana pada tahun semasa telah melebihi baki dana tersebut.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Daftar harta tanah, loji dan peralatan yang disediakan perlu dikemas kini dengan maklumat nilai pelupusan, pemindahan dan lokasi bagi menentukan kewujudan dan ketepatan nilai aset.</p>
7.	<p><b>Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 16.11.2020</p> <p>LPPEH merekodkan item belum terima sejumlah RM96,553 iaitu transaksi terimaan yuran daripada ahli dan syarikat yang berdaftar bagi tujuan mengawal selia keahlian serta profesion Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta di Malaysia sebagaimana ditetapkan dalam Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah Dan Pengurus Harta 1981 [Akta 242]. LPPEH didapati hanya merekodkan yuran yang diterima pada tahun semasa dan tidak menyediakan akaun individu/syarikat dalam sistem perakaunan Auto Count bagi merekodkan senarai semua penghutang yang masih memegang status keahlian berdaftar. Penyediaan akaun individu/syarikat bagi senarai penghutang akan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan sebenar penghutang serta memudahkan tujuan pemantauan.</p>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
8.	<p><b>Agensi Inovasi Malaysia (AIM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 17.11.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. AIM telah ditubuhkan di bawah Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010 [<i>Akta 718</i>] yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2020. Sidang mesyuarat Majlis Tadbir Urus AIM (Majlis) yang diadakan pada 4 September 2020 telah memutuskan bahawa tempoh Akta 718 tidak akan dilanjutkan dan AIM sebagai pertubuhan akan dibubarkan pada 31 Disember 2020.</li> <li>b. Berdasarkan seksyen 46 Akta 718, apabila tamatnya tempoh Akta 718, semua hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berpunca daripada, diperoleh, dilakukan, atau terletak hak di bawah Akta ini oleh atau pada AIM hendaklah terletak hak pada Kementerian Kewangan.</li> <li>c. Sehubungan itu, penggunaan asas usaha berterusan di dalam penyediaan penyata kewangan adalah tidak bersesuaian selepas daripada peristiwa tersebut. Penyata Kewangan AIM dan kumpulan yang berakhir 31 Disember 2020 akan disediakan mengikut asas bukan usaha berterusan. Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan di mana amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan akan disediakan berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima umum bagi usaha bukan berterusan.</li> </ul>
9.	<p><b>Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 26.11.2020</p> <p>Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2019 adalah RM376 juta merupakan baki geran pembangunan yang masih belum dilunaskan oleh ECERDC bagi projek pembangunan yang sedang dilaksanakan. Kerja dalam kemajuan pula menunjukkan baki pada 31 Disember 2019 berjumlah RM384.99 juta. Baki geran tertunda Kumpulan Wang Pembangunan sepatutnya adalah selari dengan jumlah kerja dalam kemajuan yang menunjukkan projek pembangunan masih dilaksanakan dan sebarang perbezaan perlu disesuaikan. ECERDC tidak menyediakan rekod yang menyesuaikan kerja dalam kemajuan dengan baki geran tertunda Kumpulan Wang Pembangunan bagi memastikan jumlah yang dinyatakan di penyata kewangan adalah tepat.</p>
10.	<p><b>Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 07.12.2020</p> <p>PSM telah membuat bayaran penalti tanpa ikatan kontrak yang sah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pada 9 Mac 2017, Seat Advisor Sdn. Bhd. telah menandatangani surat setuju tawaran bagi kontrak Perkongsian Pintar dengan PSM bagi aktiviti Pembangunan Semula Kemudahan <i>ticketing system</i> di KL Sports City yang berkuat kuasa pada 15 Mac 2017 sehingga 14 Mac 2027.</li> <li>b. Bagi memelihara hak dan tanggungjawab kedua-dua belah pihak, Seat Advisor Sdn. Bhd. perlu menyediakan kontrak perjanjian antara PSM dan Seat Advisor Sdn. Bhd. dalam tempoh 45 hari selepas surat tawaran dikeluarkan. Bagaimanapun, tiada kontrak yang sah dikemukakan kepada PSM oleh Seat Advisor Sdn. Bhd.</li> <li>c. Pada 31 Disember 2019, PSM telah merekod belanja tiket acara dan penalti sejumlah RM1.72 juta berdasarkan tuntutan yang dibuat oleh Seat Advisor Sdn. Bhd. PSM telah membuat bayaran bagi tuntutan tersebut sejumlah RM1.30 juta pada tahun 2019 walaupun tiada sebarang kontrak yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.</li> </ul> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. PSM hendaklah memastikan penyata kewangan disediakan dengan lengkap dan disokong dengan dokumen yang sepatutnya termasuk pelarasannya melalui jurnal pelarasannya.</li> <li>b. Kawalan dalaman terhadap pelaporan yang perlu dipatuhi sepenuhnya selari dengan kontrak yang telah dimeterai dan peraturan yang berkuat kuasa.</li> </ul>
11.	<p><b>Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 17.12.2020</p> <p>PERDA telah merekodkan penghutang Tabung Akaun Khas Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang berjumlah RM168.39 juta. Sehingga 31 Disember 2019, jumlah bayaran balik yang perlu dikutip mengikut perjanjian pinjaman antara PERDA dan peminjam adalah berjumlah RM83.30 juta. PERDA hendaklah mengambil tindakan sewajarnya untuk menuntut pembayaran balik pinjaman tersebut.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>PERDA perlu menetapkan polisi mengenai pertukaran status pinjaman Tabung Akaun Khas Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang kepada geran tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Akaun</p>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
	Khas Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
12.	<p><b>Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 29.12.2020</p> <p>a. Kerugian Rosot Nilai</p> <p>Pada tahun kewangan 31 Disember 2019, PR1MA dan kumpulan telah membuat rosot nilai inventori masing-masing berjumlah RM121.57 juta (2018: RM402.71 juta) dan RM137.60 juta (2018: RM402.97 juta). PR1MA dan kumpulan perlu terus membuat pemantauan dan penilaian berterusan ke atas aset-aset lain yang menunjukkan tanda-tanda akan berlakunya kemerosotan nilai berjumlah RM1.900 bilion. Rosot nilai perlu dibuat sekiranya telah dikenal pasti bahawa nilai bawaan (carrying amount) aset-aset tersebut melebihi nilai boleh pulih (recoverable amount).</p> <p>b. Kos Berkaitan Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pada Mac 2019, Malaysian Accounting Standards Board (MASB) dalam memastikan pemakaian MFRS yang konsisten, telah memutuskan bahawa sesuatu entiti hendaklah mengambil kira perubahan polisi perakaunan terhadap kos pinjaman yang tidak boleh dipermodalkan sekiranya inventori (kerja dalam kemajuan) untuk harta tanah yang sedang dibangunkan dan sedia untuk dijual tidak lagi menepati kriteria sebagai aset berkelayakan. Perubahan polisi perakaunan ini akan berkuat kuasa bermula tempoh kewangan pada 1 Julai 2020 atau selepasnya.</li> <li>ii. PR1MA dan kumpulan telah menerima pakai lebih awal perubahan polisi perakaunan tersebut pada tahun kewangan 31 Disember 2019, dan telah mengakaukannya secara prospektif. Hal ini kerana terdapat kekangan daripada PR1MA dan kumpulan berkaitan pengiraan semula perubahan peratusan siap projek-projek perumahan dan rosot nilai projek. Oleh itu, Penyata Pendapatan Komprehensif dan Kos Berkaitan Projek yang berkaitan dengan kos pinjaman berjumlah RM200.76 juta dan RM212.05 juta untuk PR1MA dan kumpulan tidak boleh dibandingkan dengan penyata kewangan tahun lalu.</li> </ul>
13.	<p><b>Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 30.12.2020</p> <p>Baki kumpulan wang pembangunan berjumlah RM272.11 juta pada 31 Disember 2019 selepas mengambil kira geran pembangunan yang dilunaskan berjumlah RM123.71 juta. Termasuk dalam geran yang dilunaskan ini adalah bayaran pendahuluan kepada kontraktor berjumlah RM10 juta yang telah dibayar untuk projek pembangunan Rubber City di Bukit Ketapang, Kedah. Wang pendahuluan ini sepatutnya direkodkan sebagai aman terhutang oleh syarikat kerana ia perlu dilaraskan dengan pembayaran projek pembangunan tersebut kelak.</p>
14.	<p><b>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 31.12.2020</p> <p>Terdapat perbezaan sejumlah RM8.96 juta antara senarai baki wang dalam perjalanan di akaun bank dengan baki wang dalam perjalanan di lejar am PTPTN. PTPTN tidak dapat membuat penyesuaian ke atas perbezaan baki tersebut. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kesan pelarasan jika ada, terhadap perbezaan RM8.96 juta pada kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai PTPTN bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.</p>
15.	<p><b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 22.01.2021</p> <p>a. Prestasi Kewangan dan Pengurusan Aliran Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. FELDA mengalami kerugian bersih sebelum cukai berjumlah RM336.80 juta (2018: RM2.143 bilion) seperti dinyatakan di Penyata Pendapatan.</li> <li>ii. Aliran tunai aktiviti operasi FELDA dan kumpulan juga mengalami defisit masing-masing berjumlah RM1.931 bilion (2018: RM1.122 bilion) dan RM1.806 bilion (2018: RM974.42 juta). FELDA dan kumpulan mempunyai pinjaman daripada institusi kewangan masing-masing berjumlah RM6.789 bilion (2018: RM7.096 bilion) dan RM10.681 bilion (2018: RM11.105 bilion).</li> <li>iii. Pada tahun 2019, FELDA dan kumpulan menerima geran berjumlah RM300 juta daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan penghapusan faedah pinjaman kepada peneroka. Penerimaan geran ini diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar bahawa kemerosotan nilai telah direkodkan terhadap baki pinjaman kepada peneroka termasuk faedah bagi tahun kewangan yang lalu. Geran ini (transaksi tunai) membantu mengurangkan kerugian sebelum cukai FELDA dan kumpulan kesan daripada kemerosotan nilai (transaksi bukan tunai) baki pinjaman kepada peneroka.</li> </ul>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
	<p>iv. Aktiviti operasi FELDA dan kumpulan hendaklah disusun semula untuk menghasilkan keuntungan dan menjana aliran masuk tunai supaya dapat menampung obligasi kewangan pada masa hadapan. FELDA dan kumpulan hendaklah mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan semata-mata memandangkan Kerajaan juga mempunyai obligasi yang lebih besar pada masa ini terutamanya bagi menangani impak daripada pandemik Covid-19.</p> <p>b. Pinjaman Kepada Peneroka</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pinjaman kepada peneroka berjumlah RM3.043 bilion (2018: RM2.913 bilion) menunjukkan kedudukan pinjaman peneroka yang telah dimuktamadkan melalui Projek WAJAR berdasarkan inisiatif Kertas Putih yang dibentangkan di Parlimen pada 10 April 2019. Maklumat ini berdasarkan jumlah prinsipal dan faedah pinjaman peneroka yang dilaporkan sehingga 15 Januari 2021 melalui Projek WAJAR. Bagaimanapun, baki pinjaman kepada peneroka belum dimuktamadkan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.</li> <li>ii. Usaha berterusan untuk mengemas kini pinjaman kepada peneroka hendaklah diteruskan oleh FELDA dan kumpulan bagi memastikan pinjaman kepada peneroka direkodkan dengan tepat.</li> </ul>
16.	<p><b>Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 26.02.2021</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Berdasarkan Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada 11 April 2014, LADA dikehendaki memajak tanah Plot 1 yang merangkumi Plot A dan Plot B (PT 2482) kepada Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INR) untuk tempoh 99 tahun pada kadar bayaran sejumlah RM0.66 juta setahun. Bayaran ini tidak termasuk bayaran pajakan bagi Plot 2 [Plot C(i) dan Plot (ii)] yang akan ditentukan kemudian. Bagaimanapun, perjanjian pajakan tanah di antara LADA dan INR belum ditandatangani. Oleh itu, LADA tidak menerima apa-apa pulangan daripada tanah tersebut.</li> <li>b. INR telah mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank) sejumlah RM246.54 juta. Mengikut perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 18 September 2014, tanah Plot A dan Plot B akan dicagar kepada Bank sebagai cagaran pinjaman sebaik sahaja perjanjian pajakan di antara LADA dan INR ditandatangani. Lembaga Pengarah LADA yang bersidang pada 9 Disember 2019 telah memutuskan untuk tidak menandatangani perjanjian pajakan yang berkaitan. Ini kerana LADA berdepan risiko kehilangan tanah tersebut.</li> <li>c. LADA melalui syarikat subsidiari milik penuhnya International Eagle Resources Sdn. Bhd. (IER) mempunyai kepentingan 30% di dalam INR. Menteri Kewangan Diperbadankan melalui syarikat subsidiari, Twin Eagles Ventures Sdn. Bhd. (TEV) turut memiliki 30% kepentingan dalam INR. Kedua-dua syarikat mempunyai hak dan obligasi di dalam INR ibarat seperti satu entiti. Berdasarkan pernyata kewangan INR tahun 2019 yang telah diaudit, INR telah ingkar pembayaran pinjaman yang diambil daripada bank. Bank berhak untuk menamatkan perjanjian pinjaman atau membuat tuntutan bayaran balik terhadap keseluruhan pinjaman tersebut. Sehingga 31 Oktober 2020, INR tidak menerima sebarang pengesahan daripada Bank berkaitan penamatkan atau tuntutan balik terhadap pinjaman. LADA memaklumkan, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 15 September 2015 telah mengecualikan IER daripada urusan <i>letter of undertaking</i> dan <i>deed of subordination</i> bagi Pembiayaan Pembangunan Hotel St. Regis Langkawi. Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Ogos 2020, memaklumkan bahawa pihaknya sedang mencari jalan penyelesaian yang komprehensif serta holistik dan akan berunding dengan pihak yang terlibat.</li> </ul> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>LADA hendaklah memastikan rekod kewangan serta perincian terimaan dan bayaran setiap projek pembangunan yang dibiayai daripada geran pembangunan di bawah Rancangan Malaysia diselenggarakan dan dikemas kini dengan teratur selaras dengan keperluan MPSAS.</p>
17.	<p><b>Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCOP)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 26.02.2021</p> <p>Baki Akaun Belum Terima Bagi Urus Niaga Pertukaran dan Akaun Belum Bayar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Akaun belum terima bagi urus niaga pertukaran pada 31 Disember 2019 adalah RM474.81 juta terdiri daripada penghutang Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta penghutang lain. Ia merupakan tunggakan sumbangan Pihak Berkusa Tempatan. Amaun ini juga termasuk Deposit Penutupan Selamat kemudahan pengurusan sisa pepejal dan penghutang lain. Selain itu, akaun belum bayar pada 31 Disember 2019 adalah RM466.60 juta merangkumi pembiutang syarikat konsesi dan pembiutang operator fasiliti. Syarikat konsesi dan operator fasiliti ini dilantik oleh Kerajaan Persekutuan melalui perjanjian yang dimeterai bagi melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta operasi fasiliti yang berjumlah RM456.85 juta.</li> </ul>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
	<p>b. Baki penghutang dan pemutang tersebut seperti yang dinyatakan di Penyata Kewangan SWCORP adalah berbeza daripada surat pengesahan baki yang diterima. Antara sebab utama perbezaan ini adalah pertikaian tuntutan daripada pelbagai pihak. SWCORP ada menyediakan penyesuaian bagi menunjukkan perbezaan ini.</p> <p>c. Mengikut perjanjian yang dimeterai, pertikaian tuntutan oleh pelbagai pihak boleh dirujuk ke Dispute Resolution Committee. Bagaimanapun, peranan Dispute Resolution Committee tidak pernah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. SWCORP hendaklah membawa perkara berkaitan pertikaian tuntutan ini kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diselesaikan.</p>
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT	
	<p><b>Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 20.10.2020</p> <p>a. Baki Tunai dan Kesetaraan Tunai</p> <p>Tunai di tangan dan di bank pada 31 Disember 2019 adalah RM44.68 juta (2018: RM81.04 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah tunai bagi empat akaun bank aktif berjumlah RM30.20 juta. Baki keseluruhan bagi empat akaun bank aktif di penyata kewangan dan penyata bank boleh disahkan dan disesuaikan berdasarkan transaksi tahun 2019. Bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara bagi baki untuk setiap akaun bank antara baki penyata kewangan dengan baki bawaan di penyata penyesuaian bank. Perbezaan ini berlaku disebabkan kesilapan mengambil kira jumlah baki bawaan yang dijana oleh penyata penyesuaian bank melalui sistem SAGA. Keadaan ini memberi kesan terhadap penyediaan penyata penyesuaian bank yang tidak tepat. Sehubungan itu, pihak Audit menumpukan perhatian terhadap amaun bawaan tahun sebelumnya yang perlu diselaraskan.</p> <p>Prosedur Audit meliputi penilaian kawalan utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan hanya aset yang memenuhi kriteria tunai dan kesetaraan tunai mengikut MPSAS sahaja dinyatakan sebagai tunai dan kesetaraan tunai.</li> <li>ii. Pendedahan yang secukupnya di dalam nota kepada penyata kewangan bagi menjelaskan polisi pengurusan tunai dan sekatan terhadap penggunaan tunai dan kesetaraan tunai selaras dengan kehendak MPSAS.</li> <li>iii. Memastikan setiap terimaan dan bayaran direkodkan dalam lejar adalah mengikut bank yang sepatutnya transaksi itu berlaku.</li> <li>iv. Kawalan dalaman hendaklah ditingkatkan bagi memastikan ketetapan transaksi pada akaun sepatutnya dalam sistem SAGA.</li> <li>v. Memastikan wujudnya pembahagian tugas dan had kuasa pegawai yang telah ditetapkan dipatuhi dengan sewajarnya.</li> <li>vi. Menyemak surat pengesahan baki dari bank-bank berkaitan serta sijil-sijil simpanan tetap bagi memastikan kewujudannya dan mendapat pengesahan terus dari institusi kewangan terbabit.</li> <li>vii. Menyemak pengiraan faedah dan memastikan pengiraannya tepat dan direkodkan dalam tahun kewangan yang sepatutnya.</li> <li>viii. Memeriksa penyata penyesuaian bank yang telah disediakan untuk semua akaun bank KESEDAR dan memastikan penyata penyesuaian bank diselenggarakan dengan betul.</li> <li>ix. Memastikan bahawa tiada cek yang tidak dijelaskan melebihi enam bulan.</li> </ul> <p>b. Baki Akaun Khas</p> <p>Akaun khas merujuk kepada amaun baki terkumpul yang telah diterima dan dibelanjakan oleh KESEDAR dalam tahun semasa. Akaun khas ini terdiri daripada peruntukan projek yang diterima daripada Wang Amanah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Wang Amanah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan dan Wang Amanah Lain-lain yang mana KESEDAR adalah badan pelaksana/pembayar bagi projek berkenaan.</p> <p>Baki Akaun khas pada 31 Disember 2019 adalah RM66.67 juta (2018: RM55 juta). Baki bawaan akaun khas perlu diteliti semula bagi memastikan pelunasan telah dibuat bagi perbelanjaan yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, pihak Audit menumpukan perhatian terhadap pelaras baki akaun khas tahun ke belakang.</p> <p>Prosedur Audit meliputi penilaian kawalan utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memeriksa senarai terperinci bagi amaun ini dan memeriksa surat atau dokumen sokongan yang wujud.</li> <li>ii. Perbincangan dengan pihak pengurusan KESEDAR bagi mengetahui polisi serta status pemberian ini.</li> <li>iii. Perbincangan dengan pihak pengurusan tentang tujuan akaun terbabit diwujudkan dan kaedah perekodan setiap satunya.</li> <li>iv. Menyemak pengiraan pelunasan selaras dengan kehendak MPSAS.</li> </ul>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA ATAU PERKARA UTAMA AUDIT
2.	<p><b>Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 28.10.2020</p> <p>Susut Nilai Ke Atas Tanah Pajakan</p> <p>Berdasarkan kepada perenggan 66 MPSAS 17, amaun boleh susut nilai bagi aset hendaklah diperuntukkan secara sistematis sepanjang usia gunanya. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susut nilai terkumpul. Bagi harta tanah, loji dan peralatan yang dibeli pada 31 Disember juga tidak dikenakan susut nilai pada tahun tersebut. Bagaimanapun bagi harta tanah, loji dan peralatan yang lain, susut nilai adalah diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap harta tanah, loji dan peralatan tersebut di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.</p> <p>Pada tahun kewangan semasa, LKTN tidak memperuntukkan susut nilai ke atas tanah pajakan semenjak ianya diperoleh dari tahun 1977 sehingga tahun 2017. Ia adalah melibatkan tanah pajakan di dua kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Lain pada harga kos berjumlah RM6.24 juta. Peruntukan susut nilai yang berjumlah RM0.95 juta telah terkurang rekod dan menyebabkan keuntungan terkumpul dan nilai bawaan aset (carrying amount) adalah terlebih rekod sebanyak jumlah tersebut dari tahun 1977 sehingga 2017. Sehubungan itu, pihak Audit menumpukan perhatian terhadap tanah pajakan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susut nilai terkumpul. Kaedah susut nilai perlu diperuntukkan secara sistematis sepanjang usia gunanya.</p> <p>Prosedur Audit meliputi penilaian kawalan utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Memastikan daftar harta tanah, loji dan peralatan diselenggarakan dengan baik dan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah selaras dengan jumlah di dalam daftar harta tanah, loji dan peralatan.</li> <li>b. Memeriksa sama ada susut nilai yang dikenakan ke atas aset-aset bagi tahun seperti yang dinyatakan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan adalah munasabah.</li> <li>c. Memastikan polisi susut nilai dipatuhi secara konsisten.</li> <li>d. Melakukan perbincangan dengan pegawai bagi mengenal pasti prosedur yang dijalankan setiap tahun bagi memastikan bahawa aset-asetnya telah dinyatakan dengan nilai saksama.</li> <li>e. Menjalankan penyemakan fizikal ke atas sampel aset tetap yang dipilih bagi memastikan kewujudannya dan aset tersebut masih lagi dalam keadaan yang baik dan ekonomikal untuk diguna pakai.</li> </ul> <p><b>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 15.02.2021</p> <p>Pengujian Rosot Nilai Terhadap Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari</p> <p>UiTM mempunyai satu syarikat subsidiari iaitu UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dengan kos pelaburan berjumlah RM259.98 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (2018: RM249.58 juta). Dalam tahun kewangan semasa, UHSB telah melaporkan kerugian berjumlah RM34.81 juta. Perkara ini meningkatkan risiko terhadap keperluan rosot nilai bagi kos pelaburan dalam syarikat UHSB.</p> <p>Pengurusan berpendapat tiada keperluan rosot nilai bagi pelaburan dalam syarikat UHSB. Ini berdasarkan kepada model Nilai Sedang Digunakan yang memerlukan andaian pengurusan yang signifikan mengenai kadar diskon dan anggaran aliran tunai masa depan bagi syarikat UHSB.</p> <p>Memandangkan kerugian oleh syarikat UHSB merupakan tanda keperluan rosot nilai, justeru pihak Audit menumpukan perhatian ke atas ketepatan metodologi penilaian dan input data yang digunakan dalam pengujian rosot nilai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.</p> <p>Prosedur Audit, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menilai metodologi model Nilai Sedang Digunakan.</li> <li>b. Menyemak kewajaran andaian utama pengurusan berdasarkan pengetahuan mengenai perniagaan dan industri.</li> <li>c. Menilai input data dengan bukti sokongan seperti belanjawan yang telah diluluskan dan mempertimbangkan kewajaran belanjawan ini.</li> </ul>
3.	<p>Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019</p>

4.4.4. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 dengan Pendapat Berteguran atau Pendapat Bertentangan adalah seperti dalam **Jadual 4.10**.

**JADUAL 4.10**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN KEWANGAN 2019**  
**DENGAN PENDAPAT BERTEGURAN ATAU PENDAPAT BERTENTANGAN**

BIL.	ASAS PENDAPAT
	<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>
1.	<p><b>Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)/ Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG)</b>            Tarikh Sijil Ditandatangani: 01.10.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. YGTHO telah membuat peruntukan gratuity berjumlah RM5.69 juta di dalam penyata kewangan. Bagaimanapun, pengiraan tidak berdasarkan kaedah yang disarankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak YGTHO tidak dapat menjelaskan asas kiraan gaji akhir yang digunakan. Selain itu, terdapat juga pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan tetapi peruntukan gratuity masih dibuat bagi pegawai tersebut.</li> <li>b. Bagi tunai dan kesetaraan tunai, terdapat bank yang berbaki negatif berjumlah RM205,572 berbanding baki di penyata bank berjumlah RM203,191. Semakan juga mendapati tiada kemudahan overdraf untuk bank tersebut serta penyesuaian bank tidak dapat disediakan dengan sempurna.</li> <li>c. Pelbagai hasil berjumlah RM144,298 dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tidak dapat disemak kerana dokumen sokongan tidak dapat dikemukakan sehingga tarikh pelaporan.</li> </ul>
2.	<p><b>Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)</b>            Tarikh Sijil Ditandatangani: 15.10.2020</p> <p>Pada tahun 2018, satu penilaian terhadap tanah pajakan telah dibuat atas arahan Kementerian Belia dan Sukan. Bagaimanapun, perbezaan nilai semula tanah yang berjumlah RM100.35 juta tidak diambil kira pada tahun 2018. Pada tahun 2019, PPGS telah mengambil kira keseluruhan nilai semula tanah pajakan sejumlah RM211 juta dalam Penyata Kewangan tahun 2019.</p> <p>Bagaimanapun, belanja susut nilai bagi tanah ini pada tahun 2019 dilaporkan sejumlah RM1.22 juta tanpa mengambil kira susut nilai sejumlah RM1.12 juta kerana pengiraan susut nilai dibuat atas kos tanah pajakan berjumlah RM120.65 juta. Keseluruhan belanja susut nilai yang sepatutnya bagi tahun 2019 adalah sejumlah RM2.34 juta bagi nilai tanah berjumlah RM211 juta.</p> <p><b>Penegasan Perkara</b></p> <p>Pada 3 September 2014, Kerajaan telah bersetuju Kelab Golf Negara Subang (KGNS) diberi pajakan kecil ke atas tanah milik Persekutuan H.S.(D) 148046 PT 221 Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor seluas 330 ekar, iaitu Padang Golf Subang daripada PPGS selama 30 tahun bagi maksud padang golf. Kerajaan juga menetapkan perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan perlu ditandatangani antara kedua-dua pihak dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan penjawat awam serta fungsi PPGS sebagaimana tertakluk dalam Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 [Akta 509]. Bagaimanapun, perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan masih belum dimuktamadkan antara PPGS dan KGNS walaupun isu ini telah dibangkitkan oleh pihak Audit sejak pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. PPGS perlu memastikan penyediaan penyata kewangan dibuat berdasarkan rekod dan dokumen kewangan yang sewajarnya termasuk penyediaan jurnal berkaitan transaksi pelarasan pada tahun 2019.</li> <li>b. PPGS perlu menggunakan akruan dalam semua perekodan transaksi.</li> <li>c. Persembahan Penyata Kewangan PPGS perlu ditambah baik dari aspek klasifikasi bagi belanja caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan persembahan Nota 3 yang tidak menunjukkan kedudukan hartanah, loji dan peralatan pada tahun 2018 sebagai angka perbandingan.</li> </ul>
3.	<p><b>Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)</b>            Tarikh Sijil Ditandatangani: 20.10.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Peruntukan gantian cuti rehat LPPKN pada 31 Disember 2019 adalah RM4.43 juta (2018: RM4.44 juta). Peruntukan berjumlah RM4.43 juta tersebut tidak menepati seksyen 28 MPERS – Manfaat Pekerja yang mana pengiraan tersebut mengambil kira <i>future value</i> dan bukan <i>present value</i>. Perkara ini menyebabkan baki peruntukan gantian cuti rehat terlebih nyata sejumlah RM1.66 juta (2018: RM1.52 juta). Kesilapan kaedah pengiraan peruntukan gantian cuti rehat ini menyebabkan baki keuntungan terkumpul terkurang nyata sejumlah RM1.52 juta dan lebihan pendapatan komprehensif terkurang nyata sejumlah RM142,699.</li> </ul>

BIL.	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN	
	<p>b. Baki geran pembangunan LPPKN pada 31 Disember 2019 adalah RM36.45 juta (2018: RM38.16 juta). Baki geran pembangunan tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM45.45 juta (2018: RM47.16 juta). Perkara ini disebabkan oleh perbezaan baki di antara lejar am dengan senarai geran pembangunan LPPKN sejumlah RM9 juta. Ini menyebabkan baki geran pembangunan terkurang nyata dan keuntungan terkumpul telah terlebih nyata dengan jumlah yang sama.</p>
4.	<p><b>Yayasan Pelajaran MARA (YPM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 02.11.2020</p> <p>a. Geran Kerajaan Tertunda</p> <p>Baki geran kerajaan tertunda berjumlah RM81.11 juta pada 31 Disember 2019 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza sejumlah RM13.89 juta dengan Jadual Peruntukan dan Perbelanjaan Mengikut Tahun berjumlah RM67.22 juta. Dalam tahun kewangan 2019, YPM telah membuat pelarasan merekodkan tatacara perakaunan geran Kerajaan selaras dengan ketetapan MFRS 120 - Accounting for Government Grants and Disclosure of Government Assistance dan MFRS 108 - Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors. Bagaimanapun, pelarasan pada 1 Januari 2019 seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan tidak menyatakan semula angka perbandingan bagi tahun kewangan 2018. Perkara ini adalah tidak selaras dengan ketetapan MFRS 120 dan MFRS 108.</p> <p>b. Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Akaun belum terima dan akaun pemutang perniagaan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Subsidiari pada 31 Disember 2019 berjumlah RM2.68 juta dan RM3.35 juta masing-masing tidak dapat disahkan.</li> <li>ii. Pengesahan baki daripada pihak bank untuk ketetapan baki akaun semasa dan simpanan tetap berjumlah RM138,393 pada 31 Disember 2019 tidak diterima.</li> <li>iii. Tiada maklumat yang mencukupi sama ada akaun pemegang amanah berjumlah RM23,098 adalah digunakan menurut seksyen 125 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.</li> <li>iv. Penyata pendapatan komprehensif menunjukkan bahawa syarikat subsidiari mengalami kerugian bersih sebanyak RM102,251 pada tahun berakhir 31 Disember 2019 dan pada tarikh tersebut, liabiliti semasa syarikat subsidiari melebihi aset semasa sebanyak RM2.37 juta. Penyediaan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah tidak termasuk sebarang akruan berkaitan dengan kos pembubaran.</li> </ul>
5.	<p><b>Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 09.11.2020</p> <p>Pelbagai Penghutang Pembangunan</p> <p>SME CORP menerima geran bagi tujuan pemberian bantuan kewangan atau pinjaman mudah kepada perusahaan kecil dan sederhana dan telah melantik rakan strategik bagi melaksanakan program tersebut. Geran yang diterima dan disalurkan kepada rakan strategik telah direkodkan sebagai penghutang pembangunan. Setakat 31 Disember 2019, baki pelbagai penghutang pembangunan berjumlah RM1.044 bilion. Daripada jumlah tersebut, baki dua penghutang pembangunan telah terlebih nyata seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad telah dilantik untuk melaksanakan Skim Pinjaman Mudah di bawah Program Enrichment and Enhancement. Anggota Perbadanan telah meluluskan untuk menghapus kira pinjaman tidak berbayar berjumlah RM0.87 juta pada 3 Disember 2019. Bagaimanapun, jumlah ini tidak direkodkan pada penyata kewangan dan menyebabkan baki geran tertunda dan pelbagai penghutang pembangunan terlebih catat pada jumlah yang sama.</li> <li>b. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dilantik untuk melaksanakan Program Transformasi Lean bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana. Berdasarkan surat pengesahan baki daripada MPC, jumlah terhutang adalah RM345,658 berbeza dengan angka di penyata kewangan berjumlah RM489,620. Ini telah menyebabkan baki geran tertunda dan penghutang pembangunan terlebih catat sejumlah RM143,962.</li> </ul>
6.	<p><b>Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 13.11.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Simpanan tetap dalam BIMB Investment Management Berhad berjumlah RM85.53 juta di penyata kedudukan kewangan yang sebenarnya adalah unit amanah dengan harga pasaran berjumlah RM47.59 juta pada 31 Disember 2019. Pihak MyIPO tidak melaporkan secara berasingan sebagai akaun pelaburan unit amanah di penyata kewangan kerana dikhawatir akan menjelaskan tindakan mahkamah yang akan diambil. Secara keseluruhan, pelaburan dalam unit amanah terlebih nyata di penyata kewangan sebanyak RM37.94 juta. Kesilapan perakaunan ini telah dikenal pasti pada tahun kewangan 2018, masih dalam siasatan pihak berkuasa dan penilitian peguam.</li> </ul>

BIL.	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN	
	<p>b. Peruntukan gantian cuti rehat yang direkodkan di penyata kewangan tidak selaras dengan MPSAS 25. Ia hanya merekodkan peruntukan gantian cuti rehat kepada kakitangan yang akan bersara pada tahun 2020 dan tidak merangkumi segala manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan. Peruntukan gantian cuti rehat yang terkurang nyata bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dianggarkan berjumlah RM0.97 juta.</p> <p>c. Pihak MyIPO tidak pernah membuat bayaran cukai pendapatan sejak penubuhannya dan tidak pernah menyediakan peruntukan cukai di dalam penyata kewangan. Menurut surat kelulusan pihak berwajib, MyIPO telah diluluskan pengecualian cukai terhadap pendapatan kecuali bagi pendapatan dividen secara bersyarat. Peruntukan cukai ke atas dividen unit amanah yang pernah dipegang dalam tahun kewangan 2010 hingga 2014 dianggarkan berjumlah RM0.89 juta. Ini telah menyebabkan liabiliti terkurang nyata manakala keuntungan terkumpul terlebih nyata dengan jumlah yang sama.</p>
7.	<p><b>Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 30.11.2020</p> <p>a. Kos harta tanah, loji dan peralatan (tidak termasuk tanah, tanah pajakan, tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), bangunan dan bangunan PTP) adalah RM117.67 juta pada 31 Disember 2019 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza sejumlah RM2.42 juta dengan kos aset alih dalam Sistem Pengurusan Aset FINAS berjumlah RM120.09 juta.</p> <p>b. FINAS tidak memperoleh kelulusan Menteri Kewangan bagi pelaburannya di dalam simpanan tetap berjumlah RM31.68 juta seperti mana ketetapan seksyen 18, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [<i>Akta 244</i>].</p>
8.	<p><b>Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 10.12.2020</p> <p>a. Seksyen 26, MPSAS 17 menyatakan sesuatu item harta tanah, loji dan peralatan yang layak untuk diiktiraf sebagai aset hendaklah diukur pada nilai kos. Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan MADA pada 31 Disember 2019, harta tanah, loji dan peralatan adalah RM139.58 juta. Terdapat kesilapan merekodkan nilai kos tambahan aset dalam pembinaan bagi aset infrastruktur Sistem Pengairan Tersier Paket C berjumlah RM16.36 juta yang telah direkodkan sebagai RM1.63 juta. Ini menyebabkan aset dalam pembinaan telah terkurang nyata sejumlah RM14.73 juta.</p> <p>b. Polisi perakaunan MADA menetapkan geran tertunda diiktiraf pada nilai saksama di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. MADA mengiktiraf sepenuhnya pelunasan geran untuk kos aset apabila ianya siap dan sedia untuk digunakan di dalam penyata prestasi kewangan.</p> <p>Merujuk kepada penyata kedudukan kewangan, Kumpulan Wang Pengurusan adalah RM99.28 juta. MADA telah merekodkan pelarasan tahun lalu berkaitan baki awal aset dalam pembinaan bagi aset infrastruktur yang berjumlah RM38.44 juta ke dalam baki awal Kumpulan Wang Pengurusan. Perkara ini tidak selari dengan polisi geran tertunda yang ditetapkan. Ini menyebabkan akaun khas (liabiliti bukan semasa) terkurang nyata dan Kumpulan Wang Pengurusan (ekuiti) terlebih nyata masing-masing sejumlah RM38.44 juta.</p>
9.	<p><b>Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 16.12.2020</p> <p>a. Bayaran RM10 juta yang dibuat kepada penerima geran pada bulan Januari 2020 telah direkodkan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Ini menyebabkan geran tertunda telah terkurang nyata manakala pendapatan tertunda terlebih nyata sejumlah RM10 juta.</p> <p>b. Hartanah, loji dan peralatan dengan amaun bawaan berjumlah RM104.29 juta adalah termasuk amaun bawaan bagi bangunan MIDA Sentral sejumlah RM85.54 juta. Bagaimanapun, hak milik strata bagi bangunan tersebut didaftarkan atas nama PTP pada 11 Mei 2015. Sehingga 31 Disember 2019, harta tanah, loji dan peralatan serta susut nilai tahun semasa bagi bangunan tersebut telah terlebih nyata masing-masing sejumlah RM85.54 juta dan RM2.14 juta.</p> <p>c. Termasuk dalam aset tak ketara adalah Program Management Office dengan kos berjumlah RM2.43 juta dan disusut nilai dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Program Management Office merupakan yuran profesional bagi projek yang masih di bawah kerja dalam pelaksanaan. Ini menyebabkan aset tak ketara terlebih nyata dan kerja dalam pelaksanaan terkurang nyata sejumlah RM2.43 juta manakala susut nilai tahun semasa bagi aset tak ketara tersebut terlebih nyata sejumlah RM486,846.</p>

BIL.	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN	
	<p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Terdapat kelemahan kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan MIDA. Tindakan perlu diambil bagi menyelesaikan isu berulang yang dibangkitkan dan meningkatkan kawalan dalaman termasuk memastikan rekod kewangan serta sistem perakaunan berkomputer dikemas kini. Ini bertujuan memastikan maklumat yang dipersembahkan dalam penyata kewangan adalah tepat dan betul.</p>
10.	<p><b>Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPDP)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 31.12.2020</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Baki bank di dalam penyata kedudukan kewangan adalah RM3.46 juta pada 31 Disember 2019 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza sejumlah RM71,924 dengan baki buku tunai berjumlah RM3.39 juta.</li> <li>b. Termasuk dalam perbelanjaan bekalan pejabat berjumlah RM77,215 adalah belanja pengubahsuaian pejabat berjumlah RM69,955 yang tidak dipermodalkan walaupun memenuhi definisi hartanah, loji dan peralatan seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 17 MPERS - Hartanah, Loji dan Peralatan.</li> </ul>
11.	<p><b>Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 12.01.2021</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penghutang pelbagai telah terlebih nyata sejumlah RM5.92 juta yang merupakan perbezaan amaun penghutang perumahan di antara sistem kewangan dengan sistem perumahan (e-SISPER). Perbezaan tersebut telah direkodkan sebagai Akaun Pelarasan (Perumahan) di dalam penghutang pelbagai yang tidak dapat disahkan ketepatan dan kesahihan kerana tiada dokumen sah yang dapat menyokong.</li> <li>b. Pendapatan dividen pada tahun 2019 telah terlebih nyata sejumlah RM2.42 juta. Perkara ini berlaku disebabkan KETENGAH telah memperakaunkan dividen daripada anak syarikat Ketengah Holding Sdn. Bhd. berjumlah RM2.42 juta sebagai pendapatan pada tahun 2019 walaupun Lembaga Pengarah Ketengah Holding Sdn. Bhd. belum lagi meluluskan dan mengisyiharkan pemberian dividen tersebut pada tahun semasa.</li> </ul> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>KETENGAH hendaklah memastikan penyata kewangan disediakan dengan lengkap dan disokong dengan dokumen yang sepatutnya bagi semua pelarasan. KETENGAH juga hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang telah diguna pakai semasa penyediaan penyata kewangan tahunan.</p>
12.	<p><b>Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 21.01.2021</p> <p>Pelaburan LTAT dalam tujuh syarikat subsidiari pada tahun 2019 adalah RM5.108 bilion. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah kos pelaburan di Boustead Holdings Berhad berjumlah RM2.551 bilion dan Boustead Naval Shipyards Sdn. Bhd. berjumlah RM33.62 juta. Nilai pasaran pada 31 Disember 2019 bagi Boustead Holdings Berhad berjumlah RM1.144 bilion dan aset ketara bersih bagi Boustead Naval Shipyards Sdn. Bhd. adalah negatif RM64.87 juta. Bagaimanapun, LTAT tidak membuat penjejasan nilai bagi Boustead Holdings Berhad berjumlah RM1.407 bilion dan Boustead Naval Shipyards Sdn. Bhd. berjumlah RM31.81 juta seperti kehendak MFRS 136 - Penjejasan Aset. Perkara ini menyebabkan keuntungan tahun semasa dan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata berjumlah RM1.439 bilion.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pada 18 Mei 2020, LTAT mengisyihar dividen sebanyak 2.5% bersamaan RM220.88 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Bagaimanapun, Laporan Cadangan Pembayaran Dividen Tahun 2019 oleh aktuari menyatakan pembayaran dividen pada kadar 2.5% akan menjelaskan keupayaan LTAT untuk membayar liabilitinya. Bagi merealisasikan pembayaran dividen tersebut, Kerajaan telah meluluskan permohonan LTAT untuk mengecualikan baki pembayaran dividen bagi caruman Kerajaan berjumlah RM178.38 juta kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Pengecualian ini menjadikan peningkatan keuntungan terkumpul pada tahun 2019 daripada RM92.80 juta kepada keuntungan terkumpul RM271.18 juta, iaitu keuntungan yang bukan daripada aktiviti utama LTAT.</li> <li>b. Berdasarkan kepada MFRS 137 - Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, jumlah caruman Angkatan Tentera Malaysia yang diiktiraf sebagai ekuiti memenuhi kriteria untuk diiktiraf sebagai liabiliti. LTAT mempunyai kewajipan undang-undang untuk membayar kembali caruman Angkatan Tentera Malaysia berserta dividen semasa pengeluaran seperti kehendak seksyen 9 dan 10, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101]. Aliran tunai keluar dapat dianggar berdasarkan jangkaan pengeluaran oleh pencarum yang memenuhi kehendak seksyen 12, Akta 101. LTAT perlu</li> </ul>

BIL.	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN	
	<p>menyediakan sejumlah peruntukan wang bagi membayar jumlah caruman tersebut berserta dividen bagi tujuan tersebut.</p> <p>c. Skim dan Syarat Perkhidmatan LTAT bagi manfaat kakitangan meliputi cuti bawa ke hadapan untuk ganjaran wang tunai. Dasar perakaunan LTAT tidak menyatakan cuti bawa ke hadapan untuk ganjaran wang tunai sebagai salah satu manfaat pelan ganjaran seperti yang dinyatakan dalam MFRS 119 - Manfaat Kakitangan.</p>
13.	<p><b>Majlis Amanah Rakyat (MARA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 21.01.2021</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. MARA tidak mengiktiraf pelaburan harta tanah dalam penyata kewangan seperti mana kehendak MFRS 140 - Pelaburan Harta Tanah walaupun dalam tahun semasa pendapatan sewa berjumlah RM36.13 juta telah direkodkan.</li> <li>b. Tanah pegangan pajak berjumlah RM177.29 juta tidak diiktiraf sebagai Aset Hak Guna dan penilaian Aset Hak Guna adalah tidak lengkap seperti mana kehendak MFRS 16 - Pajakan.</li> <li>c. MARA tidak menyelaraskan 26 unit projek siap berjumlah RM32.43 juta, 17 unit projek terbatal berjumlah RM3.55 juta dan tiga unit projek tangguh berjumlah RM5.04 juta dari tahun 2003 hingga 2018 daripada bangunan dalam pembinaan pada 31 Disember 2019.</li> <li>d. Belanja susut nilai bagi 26 unit projek siap tidak diiktiraf di dalam bangunan dalam pembinaan. Selain itu, susut nilai bagi 162 bangunan berjumlah RM22.51 juta juga tidak diiktiraf seperti mana kehendak MFRS 116 - Harta Tanah Loji dan Peralatan yang menyatakan susut nilai perlu dicajkan sebaik sahaja aset tersebut sedia digunakan.</li> <li>e. Penyata penyesuaian bank tidak disediakan bagi satu akaun bank yang merekodkan amaun perbezaan berjumlah RM45.72 juta di antara penyata bank dengan lejar am.</li> <li>f. Pusat-pusat MARA mengamalkan perakaunan tunai menyebabkan liabiliti telah terkurang nyata.</li> <li>g. MARA tidak menyediakan penyata kedudukan kewangan ketiga seperti mana kehendak MFRS 101 - Persembahan Penyata Kewangan walaupun terdapat pelarasian signifikan dan material melibatkan perubahan dalam dasar perakaunan dan kesilapan.</li> <li>h. Pendedahan urus niaga pihak berkaitan tidak dibuat seperti mana kehendak MFRS 124 - Pendedahan Urus Niaga Pihak Berkaitan walaupun MARA mempunyai urus niaga bersama entiti Kerajaan, syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dalam tahun semasa. MARA tidak membuat pendedahan berkaitan amaun dan maklumat obligasi pelaksanaan sama ada pada 'sesuatu masa' atau 'dari semasa ke semasa' di atas pendapatan yang direkodkan seperti mana kehendak MFRS 15 - Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan.</li> </ul>
14.	<p><b>Majlis Perubatan Malaysia (MMC)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 25.02.2021</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tunai dan kesetaraan tunai MMC pada 31 Disember 2018 telah dinyatakan semula kepada RM10.44 juta. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai ini tidak tepat kerana kesilapan MMC membuat pelarasian terhadap baki lejar bank tahun 2017 yang memberi kesan kepada kesilapan baki akhir lejar bank pada 31 Disember 2018. MMC sepatutnya menggunakan baki penyata bank pada 31 Disember 2018 sebagai dokumen asas untuk menyatakan semula baki lejar bank pada 31 Disember 2018.</li> <li>b. MMC telah membuat pembetulan bagi terimaan aset secara hadiah daripada Kerajaan berjumlah RM187,583 disebabkan kesilapan pelarasian terhadap akaun hasil pada tahun 2018. Jumlah tersebut tidak sepatutnya menjadi hasil tahun 2019 kerana kesilapan pelarasian hasil yang berlaku dalam tahun 2018 sepatutnya dilaraskan kepada Kumpulan Wang MMC.</li> </ul> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Terimaan bagi bayaran Sijil Pendaftaran dan Sijil Perakuan Amalan hendaklah selaras dengan rekod sijil yang telah dikeluarkan oleh MMC.</li> <li>b. Kawalan dalaman dan prosedur penyimpanan rekod kewangan MMC adalah lemah dan perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan. Sistem penyimpanan rekod kewangan perlu disemak dan dikemas kini untuk memudahkan proses penyemakan semula rekod kewangan pada masa hadapan.</li> </ul>

BIL.	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN	
	<p><b>Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 15.03.2021</p> <p>Termasuk dalam belum bayar lain berjumlah RM148.60 juta adalah baki penggabungan (amalgamation) antara RISDA dan divisyen yang tidak dapat dihapuskan sepenuhnya berjumlah RM72.16 juta. Pihak Audit tidak dapat menentukan kewajaran perekodan amanun tersebut dan tidak dapat menentukan kesan ke atas penyata pendapatan komprehensif disebabkan tiada dokumen sokongan untuk membuktikan baki transaksi antara divisyen tersebut. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan sama ada kesemua transaksi dan baki antara ibu pejabat dengan divisyen telah dihapuskan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan RISDA dan kumpulan semasa peringkat penggabungan (amalgamation) kerana transaksi tidak direkodkan dengan sempurna.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. RISDA dan kumpulan mempunyai struktur kumpulan yang kompleks yang terdiri daripada 12 divisyen dan 13 syarikat subsidiari bagi melaksanakan fungsinya. Struktur kumpulan secara <i>decentralised</i> hanya membuat penggabungan (amalgamation) sekali setahun, pada hujung tahun bagi 12 penyata kewangan divisyen dan penyatuhan 13 penyata kewangan syarikat subsidiari dan bukan secara bulanan. Proses ini menyebabkan rekod kewangan antara RISDA dengan divisyen dan syarikat subsidiari tidak dapat disesuaikan (reconciled) dengan lengkap dan terdedah kepada kesilapan.</li> <li>b. RISDA perlu memastikan penyata kewangan syarikat subsidiari diaudit terlebih dahulu sebelum disatukan dalam penyata kewangan RISDA dan kumpulan sebagaimana surat Ketua Audit Negara bertarikh 11 Julai 2018.</li> <li>c. RISDA perlu segera memuktamadkan fungsi sistem perakaunan baharu dan sistem lain yang belum berintegrasi untuk menjana penyata kewangan secara elektronik. Sistem perakaunan tersebut juga hendaklah selaras dengan keperluan MFRS bagi mengurangkan pelarasan secara manual.</li> <li>d. RISDA juga perlu menambah baik tadbir urus bagi memastikan komunikasi yang lebih berkesan antara divisyen dan syarikat subsidiari. Kelemahan komunikasi yang berlaku menyebabkan perekodan dalam penyata kewangan tidak tepat dan tidak kemas kini.</li> <li>e. Pendapat berteguran diberi kepada syarikat subsidiari yang bukan diaudit oleh Ketua Audit Negara hendaklah dibuat penambahbaikan sewajarnya oleh RISDA dan kumpulan. Syarikat subsidiari tersebut ialah RISDA Estates Sdn. Bhd., RISDA Security and Services Sdn. Bhd. dan RISDA Plantation Sdn. Bhd. RISDA hendaklah memastikan pemantauan secara berkala dibuat terhadap syarikat subsidiarinya bagi memastikan operasi dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.</li> </ul>
	<p><b>PENDAPAT BERTENTANGAN</b></p> <p><b>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 26.01.2021</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. CAAM tidak menyediakan penyata penyesuaian bagi dua akaun bank dari bulan Jun hingga Disember 2019. Sehubungan itu, perbezaan baki di bank berjumlah RM22.46 juta pada 31 Disember 2019 tidak dapat disahkan.</li> <li>b. Termasuk dalam akaun belum terima bagi urus niaga pertukaran adalah sejumlah RM36.86 juta melibatkan terimaan yang tidak dikenal pasti, tidak dapat disahkan serta tiada jadual sokongan.</li> <li>c. Termasuk dalam akaun belum terima bagi urus niaga bukan pertukaran adalah sejumlah RM18.85 juta akaun belum bayar dan RM8.62 juta pembiutang perniagaan yang berbaki debit, tidak dapat disahkan dengan jadual sokongan.</li> <li>d. Termasuk dalam akaun belum bayar bagi urus niaga pertukaran adalah sejumlah RM61.67 juta pembiutang yang masih belum dilaraskan, tidak dapat disahkan dengan jadual sokongan.</li> <li>e. Termasuk dalam akaun belum bayar bagi urus niaga bukan pertukaran adalah sejumlah RM20.17 juta akaun belum terima berbaki kredit, tidak dapat disahkan kerana tiada jadual sokongan.</li> <li>f. Terdapat kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman, isu pengurusan dan isu teknologi maklumat seperti yang dibangkitkan dalam surat pengurusan. CAAM disarankan untuk mempertingkatkan kawalan kualiti bagi memastikan penyediaan penyata kewangan yang tepat dan betul.</li> </ul>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

## 5. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN DI PARLIMEN

5.1. Mengikut seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*], setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudianya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera.

5.2. **Sepanjang tahun 2021, sebanyak 12 Agensi Persekutuan telah membentangkan penyata kewangan tahun 2020 di Parlimen.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.1.**

**JADUAL 5.1  
 PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI PARLIMEN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	22.09.2021	04.10.2021
2.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	29.09.2021	04.10.2021
3.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	06.12.2021	13.12.2021
4.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	06.12.2021	20.12.2021
5.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah)	14.12.2021	20.12.2021
6.	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)	15.12.2021	20.12.2021
7.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	15.12.2021	20.12.2021
8.	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)	15.12.2021	20.12.2021
9.	Pihak Berkuastra Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA)	16.12.2021	20.12.2021
10.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	16.12.2021	20.12.2021
11.	Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	16.12.2021	20.12.2021
12.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	20.12.2021	22.12.2021

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia

## 6. ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN

### 6.1. Lebihan atau Kurangan Terkumpul

6.1.1. MFRS 101 dan MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan menetapkan semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan, melainkan piawaian perakaunan tersebut menghendaki sebaliknya. Seksyen 2 MPERS - Konsep dan Prinsip Pervasif menetapkan lebihan atau kurangan adalah perbezaan antara hasil dan perbelanjaan.

6.1.2. Berdasarkan lebihan atau kurangan terkumpul bagi 123 penyata kewangan yang diberi sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran bagi tahun berakhir 2020, sebanyak 116 Agensi Persekutuan merekodkan lebihan terkumpul pada tahun 2020 berjumlah RM207.349 bilion berbanding tahun 2019 berjumlah RM181.281 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM26.068 bilion. Sebanyak tujuh Agensi Persekutuan pula merekodkan kurangan terkumpul berjumlah RM1.262 bilion pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 berjumlah RM1.114 bilion, iaitu peningkatan RM147.79 juta. Perbandingan lebihan atau kurangan terkumpul pada tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 6.1**.

**JADUAL 6.1**  
**LEBIHAN/KURANGAN TERKUMPUL**  
**AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**


BUTIRAN	TAHUN 2020*		TAHUN 2019		PERUBAHAN	
	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Juta)	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Juta)	RM Juta	%
Lebihan Terkumpul	116	207,349.80	116	181,281.54	26,068.26	14.4
Kurangan Terkumpul	7	(1,261.65)	7	(1,113.86)	147.79	13.3

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

Nota: \*Semua Penyata Kewangan adalah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 kecuali bagi Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang berakhir pada 30 Jun 2021 dan Penyata Kewangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MYSIHAT) yang berakhir pada 15 April 2020

6.1.3. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan lebihan terkumpul tertinggi pada tahun berakhir 2020 adalah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP); Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA); Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT); Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj). Butiran lanjut seperti dalam **Carta 6.1**.

**CARTA 6.1**  
**LEBIHAN TERKUMPUL AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2020**




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

- a. Peningkatan yang ketara disumbangkan oleh KWAP, iaitu peningkatan dalam pendapatan pelaburan kasar sejumlah RM737.78 juta, peningkatan dalam pendapatan bukan pelaburan lain sejumlah RM571.01 juta dan pengurangan perbelanjaan operasi sejumlah RM25.83 juta. Keuntungan tidak nyata bersih daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi turut meningkat sejumlah RM890.04 juta.
- b. Peningkatan lain-lain pendapatan oleh LPPSA berikutan pengiktirafan pengambilalihan semula aset pensekuritian pinjaman perumahan daripada Cagamas MBS Berhad yang telah matang pada tahun 2020 bernilai RM707.27 juta dan dividen yang diterima sebanyak RM179.42 juta.
- c. Pengurangan pendapatan diagihkan oleh BANK RAKYAT kepada pendeposit berjumlah RM580 juta atau 23%, iaitu daripada RM3.104 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.524 bilion pada tahun 2020. Perkara ini berlaku kerana pengurangan deposit pelanggan dan deposit dari penempatan oleh institusi kewangan berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalam (OPR) dari 3% kepada 1.8%.
- d. Pada tahun semasa, KWSP telah mengklasifikasikan kerugian tidak nyata sebanyak RM7.707 bilion (2019: RM1.146 bilion) daripada rizab aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain kepada lebihan kumulatif disebabkan oleh polisi turun nilai kos atas ekuiti tersenarai.
- e. Pelarasan dari rizab penilaian semula ke lebihan terkumpul berjumlah RM5.075 bilion kesan daripada pemakaian MPSAS bagi PPj.

6.1.4. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan kurangan terkumpul tertinggi pada tahun berakhir 2020 adalah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA); Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK); Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Butiran lanjut seperti dalam **Carta 6.2**.

**CARTA 6.2**  
**KURANGAN TERKUMPUL AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

- Hasil jualan rumah PR1MA bagi tahun 2020 menurun kerana jumlah jualan dan kos diiktiraf berdasarkan peratusan penyelesaian projek pada 31 Disember 2020. Selain itu, bilangan unit rumah yang berjaya dijual adalah sebanyak 6,654 unit bagi tahun 2020 berbanding 9,115 unit pada tahun 2019.
- LLM telah membuat pelarasan tahun lalu dalam penyata kewangan tahun 2019 bagi kos lebuh raya yang diserahkan tetapi belum diimbuh balik oleh Kerajaan berjumlah RM266.15 juta menyebabkan tambahan kerugian terkumpul. Pada tahun 2020, kerugian terkumpul adalah RM367.07 juta walaupun LLM merekodkan keuntungan dalam tahun semasa sejumlah RM5.94 juta.
- LPK telah merekodkan penurunan kerugian terkumpul pada tahun 2020 sejumlah RM50.08 juta, iaitu daripada RM241.31 juta pada tahun 2019 kepada RM191.23 juta. Perkara ini disebabkan faedah pinjaman kepada Kerajaan berkurangan daripada RM148.44 juta kepada RM72.50 juta kesan dari kelulusan untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi suku tahun kedua dan ketiga berjumlah RM111 juta. Tiada faedah dikenakan oleh Kementerian Kewangan terhadap penangguhan bayaran ini.
- Kerugian terkumpul CAAM pada tahun 2020 berjumlah RM66.70 juta disebabkan penurunan hasil sejumlah RM118.76 juta berikutan pandemik Covid-19 yang menjelaskan operasi penerbangan penumpang domestik dan antarabangsa. Selepas suku kedua tahun 2020, kapasiti jadual penerbangan telah menurun sehingga 90% berbanding tahun 2019.


- e. Kerugian terkumpul PERHEBAT pada tahun 2020 adalah RM27.87 juta disebabkan pengiktirafan penjejasan nilai sejumlah RM6.04 juta berikutan tunggakan bayaran balik pembiayaan Dana Skim Pembiayaan Mikro.

**Pendapat Audit** | **Agensi Persekutuan yang mencatatkan lebihan terkumpul tertinggi menjana pendapatan dalaman dan tidak bergantung kepada geran Kerajaan. Bagaimanapun, Agensi Persekutuan yang mengalami kurangan terkumpul perlu mengkaji model operasi bagi memastikan kelestarian dan kemampunan kewangan agensi.**

## 6.2. Kebergantungan Agensi Persekutuan Kepada Pinjaman

6.2.1. Kedudukan aset tahun 2020 bagi 123 Agensi Persekutuan berjumlah RM1,762.533 bilion telah mencatat peningkatan sejumlah RM118.143 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2019 berjumlah RM1,644.390 bilion. Kedudukan liabiliti tahun 2020 bagi 123 Agensi Persekutuan berjumlah RM379.460 bilion telah menunjukkan peningkatan RM27.500 bilion atau 7.8% berbanding tahun 2019 berjumlah RM351.960 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6.3**.

**CARTA 6.3**  
**KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI**  
**AGENSI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2020 DAN 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

6.2.2. Peningkatan liabiliti antaranya disebabkan oleh peningkatan dalam baki pinjaman. Pada tahun 2020, baki pinjaman bagi 21 Agensi Persekutuan adalah RM113.599 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM10.809 bilion atau 10.5% berbanding RM102.790 bilion pada tahun 2019.

6.2.3. Nisbah pinjaman berbanding jumlah aset bertujuan untuk mengukur kemampuan Agensi Persekutuan memenuhi obligasi pinjaman jangka pendek dan jangka panjang. Pada umumnya, nisbah pinjaman yang rendah menggambarkan ketidakbergantungan kepada pinjaman bagi menjalankan operasi.

**6.2.4. Lima Agensi Persekutuan yang diberikan sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran telah merekodkan baki pinjaman tertinggi pada tahun 2020 berjumlah RM107.928 bilion berbanding RM97.207 bilion pada tahun 2019.** Agensi Persekutuan berkenaan adalah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK). Tempoh bayaran balik pinjaman berkenaan ialah tiga hingga 30 tahun bagi LPPSA; enam bulan hingga 25 tahun bagi PTPTN; lima hingga 15 tahun bagi FELDA; lima hingga 20 tahun bagi PR1MA dan 29 tahun bagi LPK. Pinjaman ini sebahagiannya dijamin oleh Kerajaan dan keseluruhannya telah dibenarkan oleh Akta Tubuh masing-masing.

6.2.5. Analisis Audit menunjukkan **lima Agensi Persekutuan tersebut mencatatkan nisbah pinjaman antara 0.44 hingga 0.87**. Bagaimanapun, nisbah hutang LPK yang tinggi pada 0.87 menunjukkan aset LPK dibiayai oleh liabiliti. Kemampuan LPK memenuhi obligasi kewangannya bergantung kepada pihak pengurusan serta dasar dan sokongan Kerajaan untuk menjana aliran tunai pada masa hadapan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6.2**.

**JADUAL 6.2  
NISBAH HUTANG LIMA AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PINJAMAN (RM Juta) (a)	ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PINJAMAN (c)=(a):(b)
1.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3,626.18	4,168.74	0.87 : 1
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	39,800.00	56,032.19	0.71 : 1
3.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	5,038.44	8,010.38	0.63 : 1
4.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	51,967.33	94,757.99	0.55 : 1
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	7,495.81	17,134.94	0.44 : 1

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

6.2.6. Perincian pinjaman yang diambil oleh kelima-lima Agensi Persekutuan berkenaan adalah seperti berikut:

- a. LPK telah mengambil pinjaman RM3.810 bilion dengan Kementerian Kewangan bagi tujuan pembangunan projek Port Klang Free Zone (PKFZ). Pinjaman ini

dikenakan faedah 4% setahun berserta 2% penalti setahun ke atas baki tertunggak. Tanah pajakan dan bangunan dijadikan cagaran terhadap pinjaman tersebut.

- b. PTPTN mengambil pinjaman dengan institusi kewangan sejumlah RM15.700 bilion dan melaksanakan penerbitan program sukuk berjaminan sejumlah RM24.100 bilion. Keseluruhan dana ini digunakan bagi memenuhi keperluan pembiayaan pengajian pelajar Institut Pengajian Tinggi. Pinjaman dan sukuk PTPTN tersebut tidak bercagar dan dijamin tanpa syarat oleh Kerajaan.
- c. PR1MA mempunyai program nota kewangan Islam berjangka sederhana berjumlah sehingga RM5 bilion pada jumlah nominal. PR1MA turut mempunyai program kredit pusingan berjumlah sehingga RM2.500 bilion. Program sukuk dan kredit pusingan tidak boleh dibatalkan dan dijamin tanpa syarat oleh Kerajaan. Tujuan penyertaan program sukuk dan pusingan kredit antara lainnya termasuklah untuk membiayai sebarang perbelanjaan berkaitan projek perumahan PR1MA; membiayai semua kos pembinaan dan bayaran progresif kepada kontraktor termasuk perolehan tanah; membiayai sebarang caj kewangan; dan pembayaran yuran Jaminan Kerajaan. Kadar agihan keuntungan sukuk adalah antara 2.58% hingga 4.34% dan kadar keuntungan siling pusingan kredit adalah 10.75%.
- d. LPPSA mengambil pinjaman berjangka tidak bercagar daripada Kerajaan yang dikenakan faedah/keuntungan pada kadar antara 3.69% hingga 4.87% setahun. Dalam tahun 2020, LPPSA turut menerbitkan Nota Jangka Sederhana Islamik bernilai RM8 bilion yang merupakan sebahagian daripada program LPPSA bernilai RM50 bilion. Keseluruhan program sukuk ini dijamin oleh Kerajaan. Pinjaman dan sukuk LPPSA bertujuan untuk menyediakan pembiayaan perumahan kepada penjawat awam.
- e. FELDA mengambil pinjaman dan pembiayaan daripada Kerajaan Malaysia, KWSP dan Maybank Islamic Berhad. Pinjaman dan pembiayaan ini dikenakan kadar faedah efektif tahunan dalam lingkungan 1.3% hingga 5.65%. Pinjaman FELDA adalah tidak bercagar yang sebahagiannya disalurkan kepada syarikat subsidiari, iaitu Felda Global Ventures Holdings Berhad. Pembiayaan FELDA pula dijamin dengan aset dan saham tersiar harga milik FELDA.

**Pendapat Audit** | **Nisbah pinjaman Agensi Persekutuan berada pada paras yang memuaskan dan menunjukkan Agensi Persekutuan tidak bergantung kepada pinjaman secara maksimum untuk menguruskan operasinya. Bagaimanapun, Agensi Persekutuan hendaklah menambah baik aliran tunai agar dapat menampung liabiliti dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan.**

### 6.3. Terimaan Tidak Dikenal Pasti

6.3.1. Terimaan tidak dikenal pasti merupakan wang yang diterima dan dinyatakan dalam penyata bank tetapi masih belum direkodkan dalam buku tunai. Amaun ini akan ditunjukkan sebagai *unreconciled items* dalam penyata penyesuaian bank.

6.3.2. Analisis Audit mendapati 15 daripada 123 Agensi Persekutuan merekodkan terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM32.51 juta yang dinyatakan sebagai liabiliti di Penyata Kedudukan Kewangan tahun 2020. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6.3.**

**JADUAL 6.3  
TERIMAAN TIDAK DIKENAL PASTI PADA TAHUN 2020**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PERSEKUTUAN</b>	<b>TAHUN 2020</b>		<b>PERUBAHAN</b>	
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>%</b>
1.	Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	18,183,642	28,556,158	(10,372,516)	(36.3)
2.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	9,283,880	5,258,513	4,025,367	76.5
3.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	1,705,050	933,142	771,908	82.7
4.	Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)	681,553	681,865	(312)	(0.1)
5.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	670,332	213,004	457,328	214.7
6.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	651,333	687,000	(35,667)	(5.2)
7.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	341,315	218,501	122,814	56.2
8.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	279,273	84,839	194,434	229.2
9.	Suruhanjaya Tenaga (ST)	268,285	137,758	130,527	94.8
10.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	155,058	188,411	(33,353)	(17.7)
11.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	113,710	112,681	1,029	0.9
12.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT)	89,000	5,210,000	(5,121,000)	(98.3)
13.	Institut Akauntan Malaysia (MIA)	72,244	116,854	(44,610)	(38.2)
14.	Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)	10,787	8,925	1,862	20.9

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TAHUN 2020	TAHUN 2019	PERUBAHAN	
		RM	RM	RM	%
15.	Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	1,300	6,242	(4,942)	(79.2)
	<b>JUMLAH</b>	<b>32,506,762</b>	<b>42,413,893</b>	<b>(9,907,131)</b>	<b>(23.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

6.3.3. Lima Agensi Persekutuan telah merekodkan baki terimaan tidak dikenal pasti pada tahun 2020 yang tertinggi, iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Perincian terimaan tidak dikenal pasti oleh kelima-lima Agensi Persekutuan berkenaan adalah seperti berikut:

#### a. **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**

Terimaan tidak dikenal pasti LPPSA adalah merupakan pembiayaan perumahan terakru berjumlah RM18.18 juta pada tahun 2020. Terimaan tidak dikenal pasti ini telah menurun sejumlah RM10.37 juta atau 36.3% berbanding RM28.55 juta pada tahun 2019. Terimaan tidak dikenal pasti tersebut disebabkan bayaran yang diterima dalam akaun tanpa maklumat pembayar dan peminjam yang betul dan lengkap. Bayaran ini tidak dapat diproses ke akaun pembayar atau peminjam dan direkodkan dalam akaun pelbagai pembiayaan.

#### b. **Universiti Teknologi MARA**

Termasuk dalam liabiliti lain adalah berkaitan dengan terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM9.28 juta pada tahun 2020. Terimaan tidak dikenal pasti ini telah menurun sejumlah RM4.02 juta atau 76.5% berbanding RM5.26 juta pada tahun 2019. Terimaan tidak dikenal pasti antaranya disebabkan oleh tiada pemakluman daripada pihak pembayar; keterangan pada butiran transaksi Interbank GIRO tidak dinyatakan secara jelas; dan tiada butiran terperinci bagi terimaan melalui mesin deposit tunai.

#### c. **Universiti Utara Malaysia**

Terimaan tidak dikenal pasti pada tahun 2020 berjumlah RM1.70 juta antaranya melibatkan yuran pelajar, bayaran seminar dan aktiviti pelajar pada tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Terimaan tidak dikenal pasti ini telah meningkat sejumlah RM0.77 juta atau 82.7% berbanding RM0.93 juta pada tahun 2019. Perkara ini berlaku kerana tiada butiran terperinci mengenai bayaran yang diterima melalui mesin deposit tunai.

#### **d. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia**

Pada tahun 2020, sebanyak 41 transaksi terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM0.68 juta berbanding 43 transaksi berjumlah RM0.68 juta pada tahun 2019. Terimaan tidak dikenal pasti tersebut merupakan deposit fi ukur dari tahun 2009 hingga 2017 yang tiada dokumen sokongan dan pendeposit tidak menghubungi LJT. Tindakan sedang diambil untuk mendapatkan maklumat terimaan daripada pihak bank.

#### **e. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**

Pada tahun 2020, terimaan tidak dikenal pasti CIDB berjumlah RM0.67 juta telah meningkat sejumlah RM457,328 atau melebihi 100% berbanding RM213,004 pada tahun 2019. Terimaan tidak dikenal pasti adalah disebabkan oleh pihak pemutang yang tidak dapat dihubungi atau tiada maklum balas diterima.

**Pendapat Audit** | **Terimaan tidak dikenal pasti yang masih belum diselesaikan dan dilaraskan ke akaun yang sepatutnya menyebabkan baki akaun yang berkenaan tidak dilaporkan dengan tepat.**

#### **6.4. Prestasi Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari**

6.4.1. Pada tahun 2020, sebanyak 53 daripada 123 Agensi Persekutuan mempunyai pelaburan dalam 189 syarikat subsidiari berjumlah RM41.370 bilion berbanding 192 syarikat subsidiari berjumlah RM37.952 bilion pada tahun 2019. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 169 syarikat subsidiari Agensi Persekutuan berstatus aktif, 19 dorman dan satu telah dibubarkan. Bilangan syarikat subsidiari seperti dalam **Jadual 6.4.**

**JADUAL 6.4**  
**STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI DI BAWAH**  
**53 AGENSI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2020 DAN 2019**

BIL.	STATUS	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	
		TAHUN 2020	TAHUN 2019
1.	Aktif	169	166
2.	Dorman	19	21
3.	Bubar	1	5
<b>JUMLAH</b>		<b>189</b>	<b>192</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

6.4.2. Dalam tahun 2020, terdapat dua syarikat subsidiari baru masing-masing milikan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Perwira Niaga Malaysia. Selain itu, satu syarikat subsidiari telah dibubarkan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6.5**.

**JADUAL 6.5**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI BAHARU DAN BUBAR PADA TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	CATATAN
<b>BAHARU</b>			
1.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Yayasan FELDA	Ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 untuk tujuan kesejahteraan sosial, pendidikan, budaya dan ekonomi rakyat Malaysia.
2.	Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	PERNAMA Network Sdn. Bhd.	Pengendali penyelenggaraan perniagaan termasuk landskap, kemudahan dan kontraktor.
<b>BUBAR</b>			
1.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Majuikan Sdn. Bhd.	Syarikat tidak mampu meneruskan perniagaan dan digulung sepenuhnya pada 23 Disember 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2020

6.4.3. Sebanyak empat Agensi Persekutuan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mempunyai pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari melebihi RM1 bilion pada tahun 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.6**.

**JADUAL 6.6**  
**EMPAT AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMPUNYAI PELABURAN BERSIH TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TAHUN 2020 (RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	30.714
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	5.739
3.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	2.421
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	1.669

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

6.4.4. Analisis Audit mengenai keuntungan selepas cukai, kerugian selepas cukai dan pembayaran dividen dibuat terhadap syarikat subsidiari di bawah 53 Agensi Persekutuan. Perincian lanjut seperti berikut:

#### a. Keuntungan Selepas Cukai

- i. Pada tahun 2020, sebanyak 124 syarikat subsidiari di bawah 31 Agensi Persekutuan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM2.430 bilion

berbanding RM3.008 bilion pada tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.7**.

**JADUAL 6.7**  
**KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2020 DAN 2019**

BIL.	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		
		BILANGAN AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Bilion)
1.	2020	31	124	2.430
2.	2019	27	139	3.008

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari

- ii. Analisis Audit mendapati lima Agensi Persekutuan yang mencatatkan keuntungan selepas cukai tertinggi bagi syarikat subsidiari di bawahnya adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional, Universiti Malaysia Pahang dan Pertubuhan Keselamatan Sosial. Butiran terperinci lima Agensi Persekutuan yang mencatatkan jumlah keuntungan selepas cukai tertinggi seperti dalam **Jadual 6.8**.

**JADUAL 6.8**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG**  
**MENCatatkan KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TERTINGGI**  
**BAGI SYARIKAT SUBSIDIARI DI BAWAHNYA PADA TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TAHUN 2020 (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	2,187.23
2.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	61.57
3.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	50.15
4.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	37.49
5.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	23.68

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

### b. Kerugian Selepas Cukai

- i. Pada tahun 2020, sebanyak 59 syarikat subsidiari di bawah 20 Agensi Persekutuan mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM392.67 juta berbanding RM75.99 juta pada tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.9**.

**JADUAL 6.9**  
**KERUGIAN SELEPAS CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2020 DAN 2019**

BIL.	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI		
		BILANGAN AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)
1.	2020	20	59	392.67
2.	2019	21	44	75.99

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

- ii. Analisis Audit mendapati lima Agensi Persekutuan yang mengalami kerugian selepas cukai tertinggi bagi syarikat subsidiari di bawahnya adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Perbadanan PR1MA Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Butiran terperinci Agensi Persekutuan yang mengalami kerugian selepas cukai seperti dalam **Jadual 6.10**.

**JADUAL 6.10**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG**  
**MENGALAMI KERUGIAN SELEPAS CUKAI TERTINGGI**  
**BAGI SYARIKAT SUBSIDIARI DI BAWAHNYA PADA TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH KERUGIAN SELEPAS CUKAI TAHUN 2020 (RM Juta)
1.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	351.04
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	12.99
3.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	10.44
4.	Perbadanan Putrajaya (PPj)	3.95
5.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)	2.51

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

**c. Pembayaran Dividen**

Analisis Audit mendapati hanya 12 daripada 53 Agensi Persekutuan yang menerima dividen daripada syarikat subsidiari bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berjumlah RM1.081 bilion. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6.11**.

**JADUAL 6.11**  
**JUMLAH DIVIDEN YANG DITERIMA**  
**DARIPADA SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAYARAN DIVIDEN TAHUN 2020 (RM)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	926,683,000
2.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	119,650,772
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	24,484,649
4.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	3,373,505
5.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	2,500,000

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAYARAN DIVIDEN TAHUN 2020 (RM)
6.	Universiti Malaya (UM)	2,400,000
7.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	1,175,000
8.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	500,000
9.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	300,000
10.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	125,000
11.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	105,276
12.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	37,716
<b>JUMLAH</b>		<b>1,081,334,918</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

**Pendapat Audit** | Syarikat subsidiari di bawah Agensi Persekutuan yang mencatatkan keuntungan telah meningkatkan nilai tambah terhadap pengukuhan kedudukan kewangan Kumpulan. Bagaimanapun, Agensi Persekutuan dengan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian perlu mengkaji model operasi bagi memastikan kelestarian dan kemampanan kewangan Kumpulan.

## 6.5. Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka

6.5.1. MFRS 137 dan MPSAS 19 - Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka serta seksyen 21 MPERS - Peruntukan dan Luar Jangka menyatakan:

- a. aset atau obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas, dan kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti, dan bukan di bawah kawalan penuh entiti itu; atau
- b. obligasi kini yang timbul daripada peristiwa lepas, tetapi tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Amaun obligasi ini tidak boleh diukur dengan pasti.

6.5.2. Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka tidak diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan sebaliknya pendedahan mengenai Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka dilakukan dalam nota kepada penyata kewangan. Pengecualian terhadap pendedahan nota berkaitan Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka diberikan sekiranya kebarangkalian aliran keluar masuk sumber yang mengandungi manfaat ekonomi adalah tipis.

6.5.3. Berdasarkan 140 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang disijilkan setakat 31 Disember 2021, **sebanyak 47 Agensi Persekutuan membuat pendedahan berkaitan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka. Baki 93 Agensi Persekutuan tidak membuat pendedahan berkaitan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka** berikutan tiada keperluan untuk membuat pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan.

6.5.4. Daripada 47 Agensi Persekutuan yang membuat pendedahan, **15 Agensi Persekutuan mempunyai aset luar jangka dan liabiliti luar jangka yang signifikan, iaitu melebihi RM10 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.12.**

**JADUAL 6.12  
PENDEDAHAN NOTA ASET LUAR JANGKA DAN  
LIABILITI LUAR JANGKA YANG MELEBIHI RM10 JUTA**

BIL.	PENDEDAHAN
ASET LUAR JANGKA	
1.	<p><b>Bank Negara Malaysia (BNM)</b></p> <p>Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2020 adalah RM1.840 bilion. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM1 bilion dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business dan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.</p>
2.	<p><b>Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)</b></p> <p>LPSVN telah membuat pengaduan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Mac 2020 bagi mendapatkan ganti rugi berjumlah RM32.87 juta berkaitan isu pelaburan di CIMB Islamic Dali Equity Theme Fund.</p>
3.	<p><b>Perbadanan Aset Keretapi (RAC)</b></p> <p>Selepas tarikh Lembaran Imbangan 2010, pihak RAC mendapati wujud kontingenzi aset hasil daripada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan aset dan harta tanah RAC. Kontingenzi aset ini adalah kerana projek usaha sama di atas tanah milik RAC yang dilaksanakan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan pihak swasta bagi membangunkan projek harta tanah di atas tanah keretapi antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah RAC selepas Akta Keretapi 1991 berkuat kuasa.</p> <p>KTMB telah didapati membuat penukaran status milikan tanah kepada lima syarikat usaha sama yang dinyatakan di atas secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan RAC. Tindakan ini telah mengakibatkan RAC kehilangan hak ke atas tanah-tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain itu, RAC juga telah dinafikan hak atas faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.</p> <p>Berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan melalui Mesyuarat Problem Solving Committee yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2016 yang telah bersetuju supaya isu tanah ini tidak dilanjutkan dan RAC akur dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia melalui surat RAC.100-15/3/2 Jld.2 (10) bertarikh 11 Februari 2021.</p>
4.	<p><b>Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)</b></p> <p>MyIPO mempunyai aset luar jangka yang telah dibawa ke pejabat Penimbang Tara mewakili tuntutan undang-undang MyIPO terhadap PJ Sentral Development Sdn. Bhd. berjumlah RM16.81 juta.</p>

BIL.	PENDEDAHAN
<b>LIABILITI LUAR JANGKA</b>	
5.	<p><b>Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)</b></p> <p>Dalam tahun 2020, KEJORA telah diambil tindakan mahkamah oleh pihak AcmeLand Development Sdn. Bhd. terhadap pembatalan perjanjian usaha sama oleh KEJORA bagi Pembangunan Perumahan Bercampur. Jumlah tuntutan ganti rugi adalah RM434.80 juta termasuk ganti rugi am dan ganti rugi teladan. Bagaimanapun, KEJORA kemudian memfaillkan kenyataan pembelaan bagi memohon agar keseluruhan tuntutan plaintiff ditolak dengan kos berdasarkan hujah serta bukti yang telah dikemukakan.</p>
6.	<p><b>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</b></p> <p>Caj Berkanun terdiri daripada Bantuan Kematian di bawah seksyen 58(1) dan Bantuan Hilang Upaya di bawah seksyen 58(2), Akta KWSP 1991 adalah dibayar kepada ahli yang membuat pengeluaran kematian dan hilang upaya menggunakan hasil KWSP dan bukan merupakan hak kredit ahli. Apabila ahli atau waris ahli tidak menunaikan bayaran yang telah dibuat untuk suatu tahun kewangan, maka apabila tuntutan dibuat dalam tahun berikutnya, bayaran semula kepada ahli atau waris ahli akan dibayar menggunakan pendapatan pada tahun di mana tuntutan semula dibuat. Setakat 31 Disember 2020, tanggungan luar jangka bagi Bantuan Kematian adalah RM11.63 juta (2019: RM11.62 juta), manakala Bantuan Hilang Upaya adalah RM6.44 juta (2019: RM6.44 juta).</p>
7.	<p><b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b></p> <p>a. Bumitouch PLMC Sdn. Bhd. (Bumitouch) vs. FELDA</p> <p>Pada 25 Mac 2019, FELDA telah disaman oleh Bumitouch di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas dakwaan kegagalan FELDA untuk menjelaskan sebanyak 33 invois bagi pelbagai kerja ukur yang telah dijalankan oleh syarikat tersebut berdasarkan kepada 25 surat lantikan sebagai perunding juruukur yang dikeluarkan oleh FELDA kepada Bumitouch pada tahun 2012 hingga 2014. Tuntutan daripada Bumitouch ini adalah sejumlah RM10.60 juta. Kes ditetapkan untuk Pendengaran Permohonan FELDA mengetepikan perenggan 6A di dalam Penyataan Pembelaan Terpida Plaintiff dan seterusnya Pengurusan Kes pada 20 Julai 2020. Tarikh bicara dan arahan lanjut mahkamah akan ditetapkan pada tarikh tersebut.</p> <p>FELDA juga telah memfaillkan rayuan bagi Lampiran 62 di Mahkamah Rayuan Malaysia, Putrajaya. Pengurusan kes Rayuan Lampiran 62 pada 30 November 2020 dan Mahkamah telah dimaklumkan FELDA telah memfaillkan segala surat cara dan dokumen rayuan. Mahkamah Rayuan telah mengambil maklum dan telah menetapkan tarikh pengurusan kes selanjutnya pada 14 Julai 2021 dan tarikh Pendengaran Rayuan ini pada 29 Julai 2021.</p> <p>b. Jaminan korporat kepada syarikat subsidiari</p> <p>Pada tahun 2017, FELDA telah memberikan Jaminan Korporat untuk fasiliti Tawarruq sehingga RM2.500 bilion yang diberikan kepada FIC Properties Sdn. Bhd. (FICP) oleh GOVCO Holdings Berhad.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. FICP melaksanakan bayaran kembali prinsipal dan keuntungan pinjaman mengikut jadual dan tempoh yang ditetapkan; dan</li> <li>ii. FICP mematuhi semua peruntukan yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian fasiliti Tawarruq.</li> </ul> <p>Penjamin akan memberikan ganti rugi sepenuhnya kepada Pembiaya terhadap semua tuntutan, prosiding, perbelanjaan, kerugian, kerosakan dan/atau liabiliti (merujuk kepada jumlah yang mana perakuan si Pemodal, sekiranya tidak ada kesalahan yang nyata, adalah muktamad dan mengikat Penjamin) yang mungkin ditanggung oleh Pembiaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. sebagai akibat daripada berlakunya Kejadian Mungkir atau sebaliknya;</li> <li>ii. berkaitan dengan atau berhubung dengan Dokumen Keselamatan atau sebaliknya; dan</li> <li>iii. berkaitan dengan pemberian Kemudahan oleh Pembiaya kepada Pelanggan.</li> </ul> <p>Ganti rugi tersebut akan merangkumi keuntungan, yuran atau apa-apa jumlah lain yang dibayar atau perlu dibayar kerana dana yang diperoleh untuk membawa jumlah yang belum dibayar dan kerugian (termasuk kehilangan keuntungan), premium, denda atau perbelanjaan yang mungkin berlaku.</p>
8.	<p><b>Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)</b></p> <p>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menjalankan kerja pengauditan pematuhan ke atas penaksiran cukai bagi tahun taksiran 2009 hingga 2018. LHDNM melalui surat bertarikh 3 Jun 2021 telah mengenakan cukai taksiran tambahan berjumlah RM232.95 juta yang merangkumi:</p>

BIL.	<b>PENDEDAHAN</b>
	<p>a. cukai tambahan ke atas pendapatan bercukai (royalty, faedah, jualan hasil sawit, sewaan dan pendapatan lain) dan keseluruhan perbelanjaan (hasil dan modal) sejumlah RM143.42 juta;</p> <p>b. penalti di bawah seksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 pada kadar 45% sejumlah RM68.35 juta; dan</p> <p>c. tambahan cukai lewat bayar di bawah seksyen 103/103A Akta Cukai Pendapatan 1967 sejumlah RM21.18 juta.</p> <p>Pada 15 Jun 2021, MPOB melalui YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengemukakan permohonan pengecualian cukai ke atas keseluruhan pendapatan MPOB dan sebarang pengenaan cukai taksiran tambahan kepada YB Menteri Kewangan. Sehingga kini, isu ini masih dalam tindakan Jabatan Resolusi Pertikaian LHDNM dan keputusan belum dimuktamadkan.</p>
9.	<p><b>Majlis Amanah Rakyat (MARA)</b></p> <p>a. Tuntutan kontraktor ke atas MARA kerana penamatkan kontrak pada tahun 2020 berjumlah RM49.62 juta (2019: RM49.62 juta).</p> <p>b. Tuntutan pembekal ke atas MARA kerana tidak membuat pembayaran kerja tambahan pada tahun 2020 berjumlah RM18.53 juta (2019: RM11.05 juta).</p> <p>c. Tuntutan ganti rugi am dan khas ke atas MARA pada tahun 2020 berjumlah RM5.67 juta (2019: RM5.67 juta).</p> <p>d. Tuntutan kontraktor ke atas kerja membaiki kecacatan dan pelepasan wang tahanan pada tahun 2020 berjumlah RM8 juta (2019: RM8 juta).</p> <p>e. Tuntutan lain pada tahun 2020 berjumlah RM12.69 juta (2019: RM8.17 juta).</p>
10.	<p><b>Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)</b></p> <p>Pada 1 Ogos 2018, Inai Kiara Sdn. Bhd. &amp; Hwa Chi Construction Co. Ltd. (IKHCJV) telah mengemukakan surat tuntutan berjumlah RM420 juta sebagai ganti rugi bagi dakwaan pelanggaran kontrak oleh ECERDC. Pihak ECERDC telah manafikan segala tuntutan IKHCJV tersebut pada 15 Ogos 2018.</p> <p>Pada 10 Mei 2019, IKHCJV telah mengeluarkan Notis Timbang Tara yang merangkumi tuntutan ganti rugi sejumlah RM420 juta berdasarkan dakwaan pelanggaran kontrak serta dakwaan pelanggaran Perjanjian Pelantikan Semula oleh ECERDC. Namun pada 5 Julai 2019, pihak ECERDC telah membalsas notis tersebut dengan menolak semua tuntutan dan mengemukakan Tuntutan Balas berjumlah RM261 juta. Kedua-dua belah pihak telah bersetuju agar perkara ini diselesaikan melalui proses timbang tara di Asia International Arbitration Center.</p> <p>Pada 21 Julai 2020, IKHCJV telah mengemukakan Penyata Tuntutan berjumlah RM556 juta. Pada 22 September 2020, pihak ECERDC telah mengemukakan Penyata Pembelaan bagi manafikan semua tuntutan yang dinyatakan di dalam Penyata Tuntutan serta mengemukakan Tuntutan Balas terhadap IKHCJV berjumlah RM261 juta.</p> <p>Prosiding Timbang Tara telah dijadualkan untuk dimulakan pada 23 Ogos 2021 hingga 9 September 2021. Bagaimanapun, pada 6 Julai 2021, satu perintah penggulungan (Winding Up Order) telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap syarikat Inai Kiara Sdn. Bhd. dan Tribunal Timbang Tara telah mengeluarkan arahan bagi penundaan sementara untuk proses timbang tara (temporary suspension of arbitration proceedings). Kedua-dua pihak kini sedang menunggu keputusan pihak Liquidator bagi syarikat Inai Kiara Sdn. Bhd. berkaitan status kes.</p>
11.	<p><b>Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)</b></p> <p>a. Jaminan bank untuk tiga projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjumlah RM221.31 juta.</p> <p>b. Tuntutan bagi ganti rugi kerugian berikutan penamatkan kontrak berjumlah RM16.24 juta. Kes sedang berada di peringkat timbang tara.</p>
12.	<p><b>Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)</b></p> <p>NCIA telah menandatangani Memorandum of Understanding pada 29 Mac 2010 dan perjanjian pada 17 Januari 2011 bagi Program Akuakultur Selising Perak (PASP) dengan syarikat Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Hannan). Pihak NCIA telah melakukan penilaian pencapaian projek dan pemeriksaan di lapangan pada 2017 dan memutuskan bahawa Hannan telah gagal memenuhi terma perjanjian. Pihak Hannan juga dikehendaki mengembalikan sejumlah RM25.18 juta dana yang telah dikeluarkan oleh NCIA untuk projek ini. Proses perbicaraan masih berjalan dan Hannan telah membuat tuntutan sejumlah RM8.56 juta bagi dana yang diperuntukkan untuk program tersebut.</p>

BIL.	PENDEDAHAN
13.	<b>Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)</b> Sijil Ketua Audit Negara pada tahun 2019 menyatakan UniSZA yang mewakili Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu membayar balik pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi pengambilalihan Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Namun KPT berpandangan hutang tersebut selesai setelah bayaran akhir dibuat pada tahun 2019 sejumlah RM183.24 juta bagi pengambilalihan KUSZA.
14.	<b>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</b> UiTM dan kumpulan terlibat dalam beberapa tindakan undang-undang yang mana keputusan dan kemungkinan pampasan jika ada melibatkan anggaran jumlah yang perlu dibayar oleh UiTM bagi enam kes berjumlah RM56.49 juta.
15.	<b>Universiti Utara Malaysia (UUM)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Letter of Awareness telah diberikan kepada bank sebagai sekuriti pembiayaan perniagaan berjumlah RM45 juta bagi salah satu syarikat subsidiari.</li> <li>b. Seorang bekas pekerja di salah satu syarikat subsidiari telah memfailkan tuntutan saman sejumlah RM15.62 juta ke atas syarikat dan dua anak syarikatnya yang melibatkan tunggakan emolument, elaun dan komisen. Mahkamah telah memutuskan bahawa syarikat subsidiari tidak bersalah. Namun, bekas pekerja tersebut telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan untuk diteliti oleh Mahkamah Tinggi, yang mana perbicaraan kes tertangguh sehingga 31 Disember 2020.</li> </ul>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

**Pendapat Audit** | **Pendedahan aset dan liabiliti luar jangka di nota kepada penyata kewangan oleh Agensi Persekutuan menunjukkan agensi memenuhi keperluan piawaian perakaunan yang ditetapkan dan ketersediaan Agensi Persekutuan dalam menyelesaikan sesuatu tuntutan.**

## 6.6. Kesan Pandemik Covid-19

6.6.1. Pandemik Covid-19 yang berlaku secara global bermula tahun 2020 telah berlarutan dan usaha untuk mencegah wabak ini dilaksanakan melalui sekatan aktiviti yang memberi impak kepada operasi utama Agensi Persekutuan. **Pandemik ini memberi kesan kepada prestasi kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun berakhir 2020 dan dilaporkan dalam nota kepada penyata kewangan.**

6.6.2. Berdasarkan penyata kewangan Agensi Persekutuan yang telah disijilkan sehingga 31 Disember 2021, **sebanyak 87 Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan mengenai kesan pandemik Covid-19.** Pendedahan yang dilakukan dalam nota kepada penyata kewangan ini antaranya berkaitan dengan pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai pandemik Covid-19, pelaksanaan PKP oleh Kerajaan, kesan pandemik Covid-19 ke atas operasi Agensi Persekutuan dan langkah-langkah yang diambil bagi menangani kesan pandemik Covid-19.

6.6.3. Daripada 87 Agensi Persekutuan yang membuat pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan, **sebanyak 28 Agensi Persekutuan membuat pendedahan kesan pandemik Covid-19 terhadap hasil dan perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.**

Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.13.**

**JADUAL 6.13**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMBUAT PENDEDAHAN BERKAITAN**  
**KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP HASIL DAN PERBELANJAAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
1.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. ASWARA telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah untuk mengurangkan kos pembayaran yuran peralatan kepada pelajar yang layak. Pengurangan kos pembayaran yuran peralatan adalah RM92,260 yang memberi kesan terhadap pengurangan hasil dari perkhidmatan.</li> <li>b. Perbelanjaan RM338,319 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif untuk mengekang penularan wabak Covid-19 di ASWARA.</li> </ul>
2.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	MARDI telah mengalami pengurangan pendapatan di mana MARDI telah dikenakan sekatan peruntukan berjumlah RM54.70 juta melalui surat MOF rujukan MOF.NBO.600-9/230(32) bertarikh 6 Oktober 2020. Kesan daripada sekatan tersebut, MARDI terpaksa menampung perbelanjaan menggunakan sumber dalaman. Selain itu, terdapat penurunan pendapatan melibatkan keuntungan pelaburan, sewaan dan hasil dana pusingan MARDI.
3.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	Antara jenis pendapatan yang terkesan adalah pendapatan yang berasaskan eko-pelancongan seperti tiket masuk pelawat dan sewaan kemudahan susulan penutupan kampus utama FRIM. Turut terkesan adalah hasil daripada perkhidmatan bagi ujian saintifik yang tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.
4.	Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskau bil elektrik kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia. Memandangkan pemberian diskau bil elektrik ini merupakan perbelanjaan luar jangka dan melibatkan sejumlah besar perbelanjaan yang melebihi pendapatan semasa KWIE, perbelanjaan ini sebahagiannya telah ditampung oleh dana terkumpul daripada tahun-tahun terdahulu. KWIE juga menggunakan lebihan dana tahun sebelumnya untuk menampung pemberian diskau bil elektrik kepada pengguna.
5.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Prestasi pelaburan KWSP, terutamanya pada portfolio ekuiti banyak terkesan kerana kedua-dua indeks pasaran saham domestik dan global telah menurun dengan ketara pada bulan Mac 2020 sebelum menunjukkan sedikit pemuliharan pada suku kedua 2020 hingga akhir tahun 2020.</li> <li>b. Kesan daripada penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) dan pemberian moratorium menyebabkan Kerugian Kredit Dijangka diiktiraf oleh KWSP dan kumpulan telah meningkat masing-masing sejumlah RM388.57 juta dan RM567.49 juta pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Di samping itu, Kumpulan KWSP juga telah mengiktiraf kerugian pengubahaan aliran tunai yang timbul daripada aktiviti pinjaman berjumlah RM504.75 juta pada tahun 2020.</li> </ul>
6.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	Prestasi kewangan LGM dan kumpulan terjejas disebabkan penurunan hasil faedah dari pelaburan deposit tetap berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalam.
7.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	Aktiviti dan operasi LHDNM terjejas terutama hasil kutipan cukai yang memberi impak kepada jumlah terimaan fi yang berdasarkan kutipan sebenar cukai langsung kasar tahun 2020.
8.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Pada tahun 2020, KETENGAH telah menawarkan moratorium iaitu pengecualian sewaan dan penangguhan bayaran balik sewa beli, pinjaman rumah dan jual beli tanah selama tempoh enam bulan bermula 1 April 2020 hingga 30 September 2020 selaras dengan seruan Kerajaan untuk meringankan beban kewangan penduduk dalam Wilayah KETENGAH. Pada tahun 2021, moratorium ini dilanjutkan lagi bagi

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		tempoh tujuh bulan bermula 1 Januari 2021 hingga 31 Julai 2021. Moratorium ini memberi impak secara langsung ke atas pendapatan KETENGAH bagi tempoh kewangan 2020 dan 2021. KETENGAH turut mengambil langkah proaktif pengurangan kos pentadbiran dan pengurusan organisasi dengan mengurangkan bilangan kursus, latihan dan persidangan secara fizikal kepada seluruh kakitangan selaras dengan pendekatan norma baharu.
9.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	KEDA memberikan pengecualian sejaan kepada penyewa rumah, rumah kedai, bengkel dan bangunan industri selama enam bulan berkuat kuasa 1 April hingga 30 September 2020. Pengecualian ini juga dilanjutkan kembali bermula 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021. Pengecualian ini menyebabkan hasil sejaan KEDA berkurangan.
10.	Lembaga Pelabuhan Johor (LP JOHOR)	<p>Terdapat penurunan dari segi penerimaan sejaan rumah pangsa dan sejaan rumah rehat LPJ (Port Suite). Pengurangan disebabkan penyewaan rumah rehat yang tidak dapat beroperasi susulan pandemik Covid-19. Penyusutan hasil sejaan rumah kediaman pula adalah berikutan kelulusan pengecualian bayaran selama enam bulan ke atas sejaan rumah pangsa LP JOHOR selaras dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 4 Jun 2020.</p> <p>Pendapatan daripada pelaburan turut mencatatkan sedikit penurunan berikutan penurunan Kadar Dasar Semalam. Keadaan ini memberi kesan kepada kadar keuntungan yang diterima oleh LP JOHOR serta dividen dari pelaburan pengurusan tunai dan pelaburan modal terjamin.</p> <p>Dari aspek perbelanjaan pula, terdapat perbelanjaan yang tidak dapat dilaksanakan sepanjang Covid-19. Ini termasuklah pembayaran kepada syarikat keselamatan di Singapura bagi memantau keselamatan aset dan fasiliti LP JOHOR di negara tersebut. Beberapa perbelanjaan acara tahunan pula tidak dapat dilaksanakan.</p>
11.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	<p>a. Kadar eksport kayu-kayu menurun yang menyebabkan kutipan ses dan levi juga turut menurun.</p> <p>b. Pengecualian sejaan kepada penyewa fasiliti MTIB seperti sejaan kilang, taman industri perabot untuk tahun 2021 seperti mana saranan Perdana Menteri.</p> <p>c. Pengurangan yuran pendapatan dari yuran terutama kursus dan latihan serta perkhidmatan verifikasi.</p>
12.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah)	Sebahagian besar dari perbelanjaan yang dianggar akan dibelanjakan pada tahun 2020 seperti Geran Penyelidikan Lembaga Timah tidak dapat disalurkan kepada para penyelidik di universiti awam tempatan. Perbelanjaan untuk menghadiri mesyuarat dan acara yang dijadualkan berlangsung di luar negara juga tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya disebabkan penutupan sempadan antarabangsa.
13.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah mengumumkan penangguhan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020) dan Kerajaan tidak membenarkan baki peruntukan program khusus di bawah Kempen VM2020 dibelanjakan sehingga mendapat kebenaran selanjutnya daripada Kementerian Kewangan sebagaimana yang diputuskan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Mei 2020.
14.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Susulan daripada keputusan tersebut, LPPM telah mengambil pendekatan untuk tidak membuat sebarang komitmen ke atas baki tersebut. LPPM menjangkakan perbelanjaan di bawah program khusus penggalakan pemasaran, promosi dan pengiklanan adalah rendah pada tahun 2020 berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Turut terkesan adalah perbelanjaan di bawah geran bersyarat iaitu Program GAMELAN dan Geran Sokongan Pelancongan, Seni dan Budaya di mana penyalur geran tersebut adalah berteraskan Kempen VM2020.
		Pendapatan sejaan premis pemasaran FAMA telah berkurang berikutan penularan Covid-19 yang melanda mulai pertengahan Februari 2020. Pengurangan adalah disebabkan oleh kemudahan pengecualian bayaran sewa yang telah diluluskan oleh pengurusan tertinggi FAMA dalam tempoh pandemik bertujuan meringankan bebanan usahawan yang terjejas pendapatannya.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
15.	Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)	MPM tidak dapat menjalankan semua peperiksaan yang dirancang berikutan pandemik Covid-19 dan PKP yang dilaksanakan. Hal ini telah memberi impak yang besar kepada pendapatan MPM kerana sumber utama hasil MPM adalah kutipan yuran peperiksaan. Antara peperiksaan yang terpaksa ditangguhkan dan ditunda pada tahun 2021 ialah Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia bagi semester 1, semester 3, Ulangan 1, Ulangan 2 dan Malaysian University English Test (MUET) bagi Sesi 2 dan Sesi 3 dan Medical Specialist Pre-entrance Examination. Selain itu, peperiksaan MUET on Demand (MOD) juga hanya dilaksanakan sebanyak lima kali sahaja pada tahun 2020 yang kebiasaannya diadakan sebanyak 10 kali setahun.
16.	Perbadanan Malaysia (MPC) Produktiviti	MPC telah mengalami pengurangan pendapatan dan penjimatan perbelanjaan pada tahun 2020.
17.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	Jumlah jualan kumpulan telah merosot daripada 11,185 unit pada tahun 2019 kepada 7,083 unit pada tahun 2020 dan seterusnya hasil kumpulan telah menurun daripada RM2.023 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.565 bilion pada tahun 2020. Kumpulan telah menilai risiko berkaitan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) disebabkan kelewatan dalam menyiapkan pembangunan harta tanah sejak bermulanya penularan wabak Covid-19 pada penghujung tahun 2019. Pada tahun kewangan 2020, kumpulan telah mengiktiraf LAD kepada pembeli rumah yang termasuk dalam kontingensi berjumlah RM19.76 juta.
18.	Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	Kesan pandemik menyebabkan pembatalan dan penangguhan aktiviti promosi MATRADE serta pengurangan hasil kutipan. MATRADE telah memberi pengecualian bayaran bagi sewa ruang dan caj perkhidmatan selama enam bulan kepada penyewa selaras dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).
19.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	<p>a. Penangguhan bayaran balik pinjaman berjumlah RM149.16 juta yang diberikan akan memberi manfaat dan membantu seramai hampir 174,500 orang peminjam PTPK yang sepatutnya membuat bayaran balik pinjaman mereka.</p> <p>b. Penangguhan kutipan untuk tuntutan pemulangan yuran pinjaman daripada Pusat Latihan bagi kes pelatih berhenti dan membuat batal baki pinjaman adalah sejumlah RM3.97 juta yang melibatkan 188 buah Pusat Latihan. Cadangan penangguhan ini juga tidak melibatkan kos perundangan.</p> <p>c. Pelaksanaan penangguhan bayaran balik ini akan menyebabkan PTPK akan kehilangan kutipan secara purata berjumlah RM7.50 juta sebulan (anggaran) dengan jumlah kutipan RM45 juta tidak dikutip sepanjang tempoh penangguhan April hingga September 2020.</p> <p>d. Pelanjutan tempoh mula bayar balik pinjaman disebabkan penangguhan tempoh latihan di Pusat Latihan Kemahiran di dalam tempoh PKP akan memberi kesan secara langsung kepada kutipan tahun 2020. Peminjam perlu membuat bayaran selepas enam bulan tamat latihan.</p>
20.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	UMP telah mengalami pengurangan hasil yuran asrama sebanyak 39% dan lain-lain hasil sebanyak 29%. Namun, terdapat juga penjimatan kos bagi perhubungan dan utiliti sebanyak 28%, perjalanan dan sara hidup sebanyak 60% dan perbelanjaan ikhtisas dan hospitaliti sebanyak 9.3%.
21.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Pandemik Covid-19 dan PKP telah memberi impak kepada prestasi kewangan aliran tunai universiti yang melibatkan beberapa komponen hasil dan belanja telah menurun berbanding tahun 2019. Penurunan ketara hasil pendapatan adalah daripada Yuran Pasca Siswazah (Penyelidikan) akibat penangguhan semester pengajian dan pengurangan yuran perkhidmatan sebanyak 15%.
22.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	<p>a. Pengurangan dan pemberian diskaun ke atas yuran semester kepada pelajar yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>b. Pengecualian sewaan bulanan selama empat bulan untuk pengusaha kafeteria dan premis perniagaan milik universiti mengikut syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>c. Perolehan peralatan perubatan, bekalan ujian makmal dan peralatan perlindungan peribadi (PPE) termasuk peralatan-peralatan bagi</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		pembasmian dan penyahkuman, pelitup muka dan peralatan lain bagi memenuhi keperluan operasi perkhidmatan kesihatan dan keselamatan.
23.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penurunan hasil daripada yuran pelajar disebabkan pengurangan dan pemberian diskau yuran semester.</li> <li>b. Penurunan hasil daripada sewaan disebabkan pemberian moratorium atau pengecualian sewaan.</li> <li>c. Peningkatan dalam perbelanjaan disebabkan perolehan peralatan perubatan dan PPE termasuk peralatan bagi pembasmian dan penyahkuman.</li> <li>d. Pemberian insentif yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu membiayai perbelanjaan peralatan perubatan, keperluan pelajar dan kakitangan, serta lain-lain keperluan pengurusan Covid-19.</li> </ul>
24.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengurangan dan pemberian diskau ke atas hasil yuran kepada pelajar yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>b. Pengecualian sewa bulanan selama sembilan bulan bagi semua premis milik USIM di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).</li> <li>c. Perolehan dan pembelian peralatan perubatan, bekalan ujian makmal dan pakaian perlindungan PPE termasuk proses pembasmian dan penyahkuman, pelitup muka, dan keperluan operasi perkhidmatan kesihatan dan keselamatan.</li> <li>d. Pemberian insentif serta bantuan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah program PRIHATIN serta sumbangan Covid-19 USIM bagi membantu dan membiayai perbelanjaan peralatan perubatan dan keperluan pelajar yang berada dalam kampus di samping keperluan lain.</li> <li>e. Pemberian insentif dan bantuan kepada kakitangan USIM seperti yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah PRIHATIN.</li> </ul>
25.	Universiti Sains Malaysia (USM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengurangan dan pemberian diskau ke atas yuran semester kepada pelajar yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>b. Pengecualian sewaan bulanan termasuk utiliti antara tiga hingga sembilan bulan untuk pengusaha kafeteria/gerai jualan makanan dan minuman, kedai serbaneka dan perkhidmatan di premis milik USM mengikut syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>c. Perolehan peralatan perubatan, bekalan ujian makmal dan pakaian perlindungan PPE termasuk peralatan bagi pembasmian dan penyahkuman, pelitup muka dan peralatan lain bagi memenuhi keperluan operasi perkhidmatan kesihatan dan keselamatan.</li> <li>d. Bagi meringankan beban kewangan staf, USM telah menangguhkan bayaran balik pinjaman komputer dan kenderaan selama tiga bulan kepada semua peminjam staf USM.</li> </ul>
26.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Bagi tahun 2020, UniSZA telah mengalami pengurangan hasil terutamanya daripada keuntungan pelbagai sebanyak 27% dan yuran pelajar sebanyak 14%. Kementerian Pengajian Tinggi juga telah membuat sekatan ke atas penyaluran geran mengurus semua Universiti Awam. UniSZA turut sama terkesan dengan sekatan yang dikenakan sejumlah RM21.29 juta iaitu 12% daripada anggaran bajet mengurus tahunan UniSZA.
27.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Pandemik Covid-19 memberi kesan penurunan kepada hasil UTHM. Penurunan hasil adalah disebabkan oleh penurunan hasil pendapatan yuran asrama kerana pelajar tidak dapat pulang ke kampus. Penurunan hasil juga disebabkan oleh penurunan pendapatan dari hasil faedah pelaburan kerana penurunan Kadar Dasar Semalamian oleh Bank Negara Malaysia.
28.	Universiti Teknologi MARA	UiTM telah membuat pemulangan yuran yang merangkumi yuran perkhidmatan pelajar dan yuran kolej bagi sesi Mac dan sesi Oktober 2020. Majlis istiadat konvoikesyen juga tidak dapat dijalankan seperti

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		<p>biasa menyebabkan kutipan hasil konvokesyen 2020 terjejas. Pengecualian sewa juga diberikan kepada semua penyewa premis yang layak dengan kemudahan moratorium sembilan bulan yang mengakibatkan kutipan hasil sewa berkurang. Pengurangan bilangan kursus, latihan dan persidangan fizikal bersesuaian dengan norma baharu, turut menjelaskan kutipan lain-lain hasil UiTM.</p> <p>Trend perbelanjaan juga mengalami impak besar kesan dari pandemik ini. Perubahan besar trend perbelanjaan tahun 2020 antaranya termasuk perbelanjaan kos penyahkuman premis, kos menghantar pulang pelajar, pembelian pelitup muka, sarung tangan serta skim bantuan yang dibayar kepada staf dan pelajar dalam tahun 2020.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2020

## 7. SYOR AUDIT

Agensi Persekutuan termasuk kementerian hendaklah sentiasa peka terhadap pematuhan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pemantauan yang berterusan dan efektif di semua peringkat dapat memastikan penyediaan penyata kewangan adalah benar dan saksama. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 7.1. Agensi Persekutuan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Akta 240;
- 7.2. pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan dipatuhi supaya agensi diuruskan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan; dan
- 7.3. pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan.

